

BAB III:

AGAMA DALAM TEORI PERADABAN

Bab ini mengkaji tentang agama dalam teori peradaban menurut Malik Bennabi. Kajian dibahagikan kepada dua fasal. Fasal pertama membincangkan pemikiran Malik Bennabi tentang faktor-faktor penting dalam pembentukan peradaban iaitu: manusia (*al-insān*), tanah (*al-tūrāb*) dan masa (*al-waqt*); dan menganalisis pemikiran Malik Bennabi tentang peranan agama sebagai ‘pemungkin’ faktor-faktor peradaban tersebut, dengan memberikan fokus kepada asal-usul peradaban Islam, Barat dan “peradaban komunisme”; fasal ini juga membicarakan tentang peranan agama dalam pembentukan jaringan perhubungan kemasyarakatan, dan; peranan agama dalam perubahan masyarakat. Fasal kedua mengkaji pemikiran Malik Bennabi tentang agama dalam kitaran sejarah peradaban. Fasal ini meliputi; kajian tentang konsep kitaran peradaban dengan analisis terhadap konsep Malik Bennabi tentang tiga alam; “alam benda (*‘ālam al-asyyā’*)”, “alam figur (*‘ālam al-asykhās*)” dan “alam idea (*‘ālam al-afkār*)” dalam kehidupan individu, masyarakat dan dalam jaringan perhubungan kemasyarakatan; menganalisis pemikiran Malik Bennabi tentang peranan agama dalam tiga fasa perkembangan sejarah peradaban iaitu; fasa pra-peradaban (*marḥalah mā qabla al-hadārah*); fasa peradaban (*marḥalah al-hadārah*); dan fasa pasca-peradaban (*marḥalah mā ba‘da al-hadārah*). Fasal ini diakhiri dengan analisis tentang peradaban Islam dan Barat dalam perspektif masa hadapan.

FASAL I:

AGAMA SEBAGAI PEMANGKIN PERADABAN

A. FAKTOR-FAKTOR PERADABAN: MANUSIA, TANAH DAN MASA

Malik Bennabi dalam teorinya tentang peradaban merumuskan tiga faktor utama penentu dan pembentuk peradaban, iaitu; manusia (*al-insān*), tanah (*al-turāb*) dan masa (*al-waqt*). Baginya setiap peradaban adalah hasil daripada tiga unsur; manusia, tanah dan masa, atau:

$$\text{peradaban} = \text{manusia} + \text{tanah} + \text{masa}.$$

Malik Bennabi memberikan satu contoh, untuk menghasilkan sebuah lampu, sebagai karya peradaban, di belakangnya ada manusia yang memikir dan memproses sehingga terciptanya lampu; ada tanah dengan segala bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat lampu; dan ada masa yang merupakan keperluan untuk segala proses biologi dan teknologi.¹

Berdasarkan rumusan di atas, Malik Bennabi berpendapat bahawa peradaban adalah suatu bangunan sosial yang terdiri dari tiga faktor; manusia, tanah dan masa.² Segala permasalahan peradaban terletak pada permasalahan dasar

¹Malik Bennabi (1987), *Syurūt al-Nahdah*. ‘Abd al-Šabūr Syāhin dan Umar Kāmil Misqāwi (terj.), c. 4. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr, h. 49; selanjutnya ditulis *al-Nahdah*.

²Malik Bennabi (1991), *Ta’ammulat*, c. 5. Damsyik: Dār Al-Fikr, h. 200.

manusia, tanah dan masa. Oleh yang sedemikian, beliau menegaskan “untuk membangun peradaban kita tidak dapat hanya dengan mengumpulkan (*takdir*) karya-karya peradaban, melainkan kita harus menyelesaikan problem-problem dasar ketiga-tiga faktor tersebut.”³

(i) FAKTOR MANUSIA

Manusia adalah faktor yang paling penting di antara faktor-faktor pembentuk peradaban yang lain. Menurut pandangan Malik Bennabi, manusia adalah “pencipta dan penggerak sejarah”⁴, ia adalah “alat masyarakat yang paling penting.; kalau ia bergerak, masyarakat dan sejarah bergerak, tapi kalau ia berhenti masyarakat dan sejarah ikut berhenti.”⁵ Menurutnya, manusia memiliki dua identiti. Yang pertama adalah identiti yang tetap dan tidak dapat dipengaruhi oleh sejarah, iaitu ciptaan alami yang merupakan anugerah yang mulia dari Tuhan. Identiti yang kedua adalah yang boleh berubah dan boleh dipengaruhi oleh sejarah dan keadaan sosial, iaitu kewujudan manusia secara sosial. Identiti yang pertama merupakan kriteria-kriteria anatomi dan fisiologi yang membentuk wujud luaran manusia, sementara yang kedua adalah keadaan mental dan psikologi manusia yang ditangkap oleh struktur sejarah dan warisan sosial, dan merupakan aspek yang banyak ditekankan oleh Malik Bennabi dalam kajian-kajiannya.⁶ Manusia sepanjang perjalanan sejarah telah berinteraksi dengan masa dan ruang, tidak

³ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 50.

⁴ Bennabi (1991), *Ta'ammulât*, h. 131.

⁵ *Ibid.*, h. 129.

⁶ Malik Bennabi (1977), *Ta'ammulât*, c. 3. Damsyik: Dâr al-Fikr, h. 180. Lihat juga Fawziah Baruun (1993), *Malik Bennabi: His life and Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: ABIM, h.167.

dengan keupayaannya sebagai suatu ciptaan alami, tetapi sebagai keperibadian-keperibadian sosial. Pengalaman-pengalaman masa lalu manusia dan kemahuan-kemahuan yang mereka miliki secara pasti telah membentuk sikap-sikap tertentu terhadap kehidupan dan masa hadapan mereka.⁷ Malik Bennabi berpendapat bahawa dalam hubungan dialektika antara manusia dan peradaban, manusia adalah suatu kewujudan yang kompleks, kewujudan yang membentuk peradaban dan dalam masa yang sama ia juga adalah produk daripada peradaban.⁸

Menurut penilaian Malik Bennabi, manusia yang bersikap negatif dan tidak berperanan secara positif dalam peradaban masanya akan mempengaruhi terhadap perjalanan sejarah peradaban selanjutnya. Malik Bennabi mengungkapkan hal ini ketika beliau menggambarkan keadaan manusia setelah jatuhnya Muwahhidun⁹ seperti berikut:

"Kalau kita perhatikan dari aspek sosial, kita mendapati bahawa semua keadaan dan situasi yang muncul baik dalam politik mahupun sosial, adalah tidak lain dari gambaran keadaan sakit yang dideritai oleh manusia baru –manusia selepas Muwahhidun- yang telah menggantikan manusia peradaban Islam, manusia yang membawa dalam dirinya segala virus yang lahir darinya, dalam masa-masa yang berlainan, semua masalah yang dihadapi oleh dunia Islam sejak masa itu, maka semua kegagalan yang dialami oleh 'kebangkitan' sekarang ini berasal daripada manusia tersebut, yang tidak memahami sejarah."¹⁰

⁷ Malik Bennabi (t.t.), *Hadith fī al-Binā' al-Jadid*. Beirut: Al-Maktabah Al-'Aṣriyah, h. 113. Lihat juga Bariun, Bariun (1993), *op.cit.*, h. 167; selanjutnya ditulis *Hadith*.

⁸ Malik Bennabi (1987), *Milād Mujtama'* 'Abd al-Šabūr Syāhīn (ter.), c. 3. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 46; selanjutnya ditulis *Milād*.

⁹ Muwahhidun, dinasti Islam yang pernah berjaya di Afrika Utara dan Andalusia dari tahun 1121M – 1269M. Lihaturaian lanjut dalam fasil berikutnya.

¹⁰ Malik Bennabi (1986), *Wijhah al-'Ālam al-Islāmī* 'Abd al-Šabūr Syāhīn (terj.), c. 4. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr, h. 37; selanjutnya ditulis *Wijhah*.

Iaitu manusia yang kehilangan semangat peradaban dan yang tidak berdaya untuk tampil ke hadapan dan berkarya.¹¹ Manusia yang tidak mampu “menggunakan kreativitinya pada faktor tanah dan masa.”¹²

Menurut Malik Bennabi permasalahan manusia berbeza-beza dengan perbezaan lingkungan dan perbezaan fasa-fasa sejarahnya. Beliau memberikan contoh yang terjadi pada masanya, tentang perbezaan antara masalah yang dihadapi oleh manusia Eropah dan manusia di dunia Islam. Menurutnya, di Eropah, Belgium umpamanya, masyarakat di negara itu mengalami krisis ekonomi yang disebabkan oleh tidak ada keseimbangan antara keperluan dan kecepatan produk. Oleh kerana itu masalah yang dirasakan orang-orang Belgium adalah masalah ‘gerak’ yang tidak seimbang. Sementara itu permasalahan di negara-negara Islam sebaliknya tidak dalam ‘gerak’ tetapi dalam ‘berhenti’, iaitu masalah manusia yang jumud, tidak bergerak dan tidak mampu berjalan mengikuti sejarah. Contoh yang pertama berhubung-kait dengan keperluan-keperluan yang tidak memberi kepuasan akibat dinamika yang tidak seimbang, sementara contoh yang kedua berhubung-kait dengan kebiasaan-kebiasaan yang mati, yang meletakkan seseorang pada keadaan yang sangat mundur.¹³

Malik Bennabi juga menggambarkan contoh dua jenis manusia dengan masalah-masalah yang berbeza di negara-negara terjajah seperti Algeria. Pertama, manusia yang tinggal di bandar; yang terdiri daripada golongan-golongan seperti penganggur, penjual barang-barang runcit dan keperluan-keperluan lain,

¹¹ *Ibid.*, h. 36.

¹² *Ibid.*

¹³ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 81.

kakitangan pemerintahan penjajah, atau golongan yang jumlah mereka sangat sedikit seperti pengacara, peguan dan ahli farmasi. Kedua adalah manusia yang tinggal di kawasan badwi yang berpindah-pindah tanpa dengan binatang ternak, atau petani tanpa dengan tanaman dan tanah. Perbezaan antara kedua golongan ini ialah bahawa penduduk bandar adalah manusia yang memiliki serba sedikit keperluan dan segala perkara, dan yang kedua adalah manusia fitrah¹⁴ yang rela dengan tidak memiliki sesuatu, bahkan mungkin baginya bahawa tidak memiliki apapun adalah lebih baik daripada hanya memiliki sedikit. Hanya sahaja penduduk bandar yang rela dengan sedikit, telah berlebih-lebihan dalam kemunduran dan yang telah menghancurkan berbagai peradaban yang pernah ada sejak masa Carthage.¹⁵ Mereka membawa roh kekalahan dan hidup terpinggir. Mereka selalu di separuh jalan, separuh pemikiran dan di separuh perkembangan dan tidak mengetahui bagaimana sampai kepada tujuan. Mereka bukan ‘titik mula’ dalam sejarah seperti manusia fitrah, bukan juga ‘titik akhir’ seperti manusia peradaban,¹⁶ tetapi mereka adalah ‘titik yang tergantung’ di dalam sejarah dan peradaban.¹⁷

Dalam konteks permasalahan-permasalahan manusia di dunia Islam secara menyeluruh mahupun di negara-negara terjajah seperti yang digambarkan di atas, Malik Bennabi menyimpulkan bahawa “persoalan utama kita adalah bagaimana kita dapat mencipta manusia-manusia yang berjalan dalam sejarah dan dapat

¹⁴ Manusia fitrah (*L'homonature*) adalah manusia alami yang tunduk kepada instink-instink semulajadi. Lihat pembahasan lanjut dalam fasil berikutnya.

¹⁵ Kota kuno, diasaskan pada tahun 814 SM oleh orang-orang Phoenicia, mereka adalah para pedagang Mediterranean, menjadi pusat kegiatan dan ibu kota Phoenicia, ia terletak di kawasan Tunisia sekarang. (*The New Webster's International Encyclopedia*, h. 199).

¹⁶ Maksudnya, manusia dalam fasa-fasa peradaban. Lihat pembahasan lanjut dalam fasil berikutnya.

¹⁷ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 82.

memanfaatkan tanah, masa dan segala kreativiti mereka untuk mencapai tujuan yang agung.”¹⁸

Malik Bennabi mengakui bahawa “Mengetahui dan menyiapkan manusia peradaban adalah lebih berat daripada membuat suatu alat penggerak atau daripada melatih monyet untuk dapat memakai tali leher.”¹⁹ Maka itu beliau berpendapat bahawa ilmu-ilmu akhlak, sosial dan psikologi sekarang ini menjadi lebih penting daripada ilmu-ilmu fizik.²⁰ Menurutnya, untuk menyelesaikan persoalan-persoalan manusia, “pertama-tama kita harus memahami bagaimana manusia dapat memberikan pengaruh dalam penyusunan sejarah.”²¹ Beliau berpendapat bahawa manusia sebagai individu dapat memberikan pengaruh dalam masyarakat melalui tiga faktor; iaitu akal (*‘aqiq*), pekerjaan (*‘amal*), dan kekayaan (*māl*).²² Ketidak seimbangan antara ketiga-tiga faktor ini akan mengakibatkan kekacauan dan menghabiskan masa dan energi, sebaliknya keupayaan mengarahkan ketiga-tiga faktor ini dengan metode yang ilmiah dan perencanaan yang cukup akan dapat menciptakan manusia sebagai agen dan pusat perubahan dan pembangunan.²³

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 38.

²⁰ *Ibid.*

²¹ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 83.

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*

(ii) FAKTOR TANAH

Tanah adalah faktor kedua dalam proses pembentukan peradaban. Malik Bennabi dengan sengaja menggunakan istilah ‘tanah (*turāb*)’, untuk menghindari istilah ‘materi (*mādah*)’. Perkataan ‘materi’ dalam akhlak bererti suatu konsep yang berlawanan kepada perkataan ‘roh’, dalam sains ia bererti lawan kepada perkataan ‘energi’, dan dalam falsafah perkataan ‘materi’ mempunyai maksud yang berlainan daripada perkataan ‘idea’.²⁴

Menurut Malik Bennabi istilah ‘tanah’ belum banyak digunakan. Ia lebih sesuai dan lebih berhubung-kait dengan konsep-konsep sosial.²⁵ Beliau memperbincangkan tentang tanah tidak dari sudut ciri-ciri dan macam-macam tanah, tetapi dari aspek nilai sosial tanah tersebut. Menurutnya, nilai sosial tanah bergantung pada nilai pemiliknya. Ketika nilai suatu bangsa tinggi dan peradabannya maju nilai tanah akan mahal, sebaliknya kalau bangsa itu mundur maka harga tanahnya pun jatuh.²⁶ Demikian juga menurut Malik Bennabi persoalan tanah tergantung pada persoalan manusia, kerana tanah adalah benda mati, yang hanya boleh digerakkan dan dimajukan oleh faktor manusia. Menurutnya, negara Jepun walaupun tanahnya tidak begitu subur dapat mencapai kemajuan peradaban yang tinggi dikeranakan manusia Jepun dapat menaklukkan faktor tanah dan memanfaatkannya sesuai dengan keperluan-keperluan masyarakat, sebaliknya Indonesia tidak dapat bergerak maju walaupun memiliki

²⁴ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 49.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*, h. 139.

tanah yang subur dan kaya dengan sumber alam kerana tidak memiliki faktor manusia yang berkeupayaan.²⁷

Menurut pendapat Malik Bennabi tanah di dunia Islam pada umumnya adalah mundur, kerana kemunduran kaum yang hidup di atasnya. Bahkan tanah-tanah pertanian di sebahagian negara-negara Islam, Algeria umpamanya, sedikit demi sedikit dimakan oleh padang pasir yang terus memanjang ke arah tanah-tanah hijau dan tempat-tempat ternakan.²⁸ Malik Bennabi memandang serius terhadap fenomena terhakisan tanah-tanah subur dan berubahnya tanah-tanah tersebut kepada gurun pasir di banyak negara Islam seperti Pakistan, Jordan, Hijaz, dan terutamanya di negara-negara Islam di bahagian Afrika utara. Menurut Malik Bennabi di sepanjang garis dari Selatan Tunisia hingga Selatan Marrakesh padang pasir terus bertambah lebar setiap tahun, terutamanya kerana rancaknya penebangan pohon-pohon dan hutan. Menurutnya, seribu tahun yang lalu negara-negara Afrika utara memiliki sekitar tujuh juta hektar tanah yang penuh dengan pohon, akan tetapi sekarang hanya tinggal sekitar satu pertiga.²⁹

Bagi Malik Bennabi fenomena semacam ini tidak hanya sekadar satu masalah, tetapi sebagai suatu malapetaka, di mana tanah-tanah hijau mati dan meninggalkan penduduknya hidup di tengah-tengah padang pasir yang tidak memiliki makanan selain beberapa pohon kurma, tidak memiliki air selain sisa-

²⁷ Lihat Malik Bennabi, Malik Benabbi (1988), *Musykilât al-Afkâr fî al-'Âlam al-Islâmi*. Bisam Barkah dan Ahmad Sakbu (terj.), c. 1. Dar Syikl, Syria: Dâr al-Fikr, h. 38, 113, 114, 117 dan 126; selanjutnya ditulis *al-Afkâr*.

²⁸ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 139.

²⁹ *Ibid.*, h. 141-142.

sisa air hujan yang masih ditinggalkan oleh musim sejuk.³⁰ Beliau, mengkritik sikap masyarakat beberapa negara Islam, khususnya negara-negara Afrika utara, yang tanah mereka terus dimakan oleh padang pasir dengan mengatakan:

“Mereka menghadapi fenomena itu dengan sikap sebagai orang lemah dan pengecut! Para penduduk kawasan badwi telah melaikan diri, mereka yang selalu hidup berpindah-pindah itu, tidak memiliki tanah untuk bercucuk tanam dan tidak juga mempunyai haiwan untuk diperah (susunya), mereka hanya memiliki binatang pengendara untuk melaikan diri, mereka sekarang keletihan dan di persimpangan jalan; antara padang pasir yang mengancam dan bandar-bandar di sempadan yang tidak dapat menerima mereka atau yang siap menerkam dan menjadikan mereka manusia-manusia yang terpinggir.”³¹

Menurut Malik Bennabi, fenomena ini dapat mengakibatkan perjalanan kabilah-kabilah pada musim panas dan musim dingin terhenti, yang boleh mengakibatkan punahnya manusia fitrah.³² Selain itu ia juga boleh mengakibatkan menurunnya jumlah penduduk dan binatang termak.³³

Malik Bennabi beranggapan bahawa masalah tanah yang dihadapi oleh negara-negara tersebut di atas dapat diatasi. Beliau memberikan contoh keberhasilan beberapa negara yang telah berhasil mengatasi masalah yang sama, yang merupakan keberhasilan manusia menaklukkan faktor-faktor alam. Perancis misalnya, pada tahun 1850 mengadakan penanaman pohon di bahagian barat daya negara itu, di mana pasir pantai laut Atlantik mengancam kehidupan kawasan tersebut. Dalam masa dua puluh tahun kawasan tersebut dapat diselamatkan dan akhirnya menjadi kawasan hijau dan bahkan dapat memproduk minyak yang dihasilkan dari pohon-pohon yang ditanam tersebut. Rusia juga telah banyak

³⁰ *Ibid.*, h. 140.

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*, h. 142.

berjaya dalam mengatasi masalah yang sama, demikian juga negara Belanda, yang lebih dari satu pertiga tanah negeri itu adalah buatan manusia. Oleh kerana itu menurut Malik Bennabi, permasalahan tanah di negara-negara Islam, walau pun dengan alat yang sederhana akan dapat diselesaikan. Dari segi teknik diperlukan adanya penelitian terhadap iklim dan tabiat tanah untuk dapat dilaksanakan proses penanaman pohon. Sementara itu dari segi psikologi sosial perlu diadakan gerakan kesedaran terhadap pentingnya penghijauan atau penanaman pohon, dan dengan menjadikan pohon sebagai lambang kelangsungan hidup negara, atau boleh juga dengan menjadikan hari tertentu sebagai hari penanaman pohon dan diperingati sebagai hari perjuangan melawan ancaman padang pasir.³⁴

(iii) FAKTOR MASA

Masa adalah faktor penting yang ketiga dalam proses pembentukan peradaban. Menurut Malik Bennabi yang dimaksudkan dengan masa adalah nilainya dalam kehidupan manusia yang berhubung-kait erat dengan sejarah, kebangkitan ilmu, produktiviti dan pencapaian peradaban,³⁵ dengan tetap berpegang pada kualiti, nilai-nilai moral dan keindahan.³⁶

Masa bagaikan sungai yang melintasi alam sejak azali. Ia datang dan pergi dalam kehidupan manusia dengan kuantiti yang sama. Persoalannya adalah

³⁴ *Ibid.*, h. 143-144.

³⁵ *Ibid.*, h. 146.

³⁶ Lihat perbincangan lanjut tentang prinsip moral dan estetik dalam pembentukan kebudayaan dalam bab berikutnya.

perbezaan sikap manusia terhadap kepentingan dan nilai masa tersebut. Malik Bennabi memberikan contoh tentang sikap positif orang Jerman terhadap masa. Perang Dunia Kedua 1945 telah menghancurkan negara Jerman, pada awal tahun 1948 orang Jerman mula bangkit, dan pada tahun 1957 mereka dengan cepat dapat bangkit semula, dan berhasil membangun perusahaan-perusahaan besar. Banyak faktor yang mendukung kejayaan negara Jerman, dan di antara yang paling penting menurut Malik Bennabi adalah faktor masa. Menurutnya, pada tahun 1948 kerajaan Jerman telah mewajibkan semua rakyatnya – baik lelaki, perempuan mahupun anak-anak – untuk menambahkan dua jam dari jam kerja yang asal, setiap hari, tanpa upah untuk kepentingan bersama. Program ini dinamakan dengan *Roboter Arbeit* (Pasukan Umum) iaitu gerakan bekerja untuk kepentingan umum.³⁷ Dari pengalaman ini, dapat difahami pentingnya masa dalam mengembalikan kehidupan sosial dan ekonomi bangsa yang tidak memiliki peralatan apa-apa selepas perang dunia kedua melainkan hanya tiga faktor iaitu manusia, tanah dan masa.³⁸

Malik Bennabi mengamati bahawa masa di dunia Islam semasa merupakan suatu masalah yang besar. Menurutnya, orang Islam hanya tidak memahami makna dan fungsi masa secara teknikal. Mereka tidak juga mengetahui nilai setiap saat, minit, dan jam di dalam masa, dan hingga hari ini mereka masih juga tidak mengerti idea tentang masa dan kaitannya dengan sejarah.³⁹ Menurutnya, kehidupan dan sejarah yang tunduk kepada masa terus meninggalkan orang Islam.

³⁷Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 148.

³⁸*Ibid.*

³⁹*Ibid.*, h. 146.

Mereka betul-betul perlu merancang penggunaan waktu secara teliti, dan membuat langkah-langkah yang asasi untuk menggantikan ketertinggalan.⁴⁰

Masa yang berlalu adalah baju sejarah, tidak boleh pergi dengan kosong tanpa faedah, seperti habisnya air dari tangki yang bocor. Oleh kerana itu menurut Malik Bennabi, diperlukan adanya proses pendidikan di kalangan orang-orang Islam tentang nilai dan pentingnya masa. Sebagai langkah yang dapat dilakukan, sesuai dengan keadaan, adalah dengan mengajar orang Islam ilmu tentang zaman, mendidik anak-anak, kaum perempuan dan lelaki agar dapat menyediakan setengah jam setiap hari untuk melakukan pekerjaan tertentu. Kalau setiap individu pada setiap harinya menghaskan masa setengah jam tersebut untuk pekerjaan yang positif dan terencana, nescaya pada penghujung tahun masing-masing akan menghasilkan karya yang besar untuk kehidupan Islam dalam segala aspeknya; intelektual, etika, teknikal, ekonomi dan kehidupan keluarga.⁴¹

Kalau orang Islam dapat memiliki sikap yang positif terhadap kepentingan masa dalam kehidupan, mereka akan dapat meningkatkan karya atau ciptaan mereka baik dalam intelektual, teknikal maupun sepirtual yang merupakan unsur-unsur penting dalam sesuatu peradaban.

Pandangan Malik Bennabi tentang tiga faktor penting dalam peradaban iaitu; manusia, tanah dan masa, seperti di atas, adalah bersesuaian dengan yang diajarkan oleh Islam. Dalam konsepsi al-Qur'an manusia adalah; i) khalifah yang

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*, h. 147.

bertugas untuk membangunkan peradaban di atas muka bumi⁴²; ii) pembawa amanah dari Tuhan⁴³; iii) hamba Allah S.W.T.⁴⁴; iv) ciptaan yang paling terhormat dalam aspek moral dan kedudukan⁴⁵; iv); dan v) ciptaan yang paling baik dalam aspek fizikal.⁴⁶ Tanah dalam istilah yang digunakan oleh Malik Bennabi tampak terlalu sempit bila dibandingkan dengan konsepsi al-Qur'an tentang alam; yang meliputi tumbuh-tumbuhan⁴⁷, haiwan⁴⁸, dan benda mati⁴⁹, yang dengan hukum-hukumnya telah dihamparkan oleh Allah S.W.T. kepada manusia agar dapat membangunkan peradaban dan menjalankan semua kewajipan-kewajipan sebagai manusia. Adapun masa, dalam al-Qur'an adalah juga merupakan faktor penting dalam peradaban kerana ia berhubung-kait dengan pencapaian, produktiviti dan karya-karya positif⁵⁰, berhubung-kait dengan perlumbaan dalam mengamalkan kebajikan,⁵¹ dan berhubung-kait dengan perhitungan di hari Kiamat tentang hasil kerja manusia selama hidup di dunia,⁵² yang dapat menjadi faktor pendorong bagi manusia untuk bekerja lebih kuat untuk kedua-dua kehidupan iaitu dunia dan akhirat.

⁴² al-Qur'an: al-Baqarah (2): 30.

⁴³ al-Qur'an: al-Ahzâb (33): 72.

⁴⁴ al-Qur'an: al-Dhâriyât (51): 56.

⁴⁵ al-Qur'an: al-Isrâ' (17): 70.

⁴⁶ al-Qur'an: al-Tin (95): 4.

⁴⁷ al-Qur'an: al-Baqarah (2): 22.

⁴⁸ al-Qur'an: al-Nahl (16): 1-8.

⁴⁹ Seperti bumi dan gunung-ganang (al-Qur'an: al-Naba' (78): 6-7), matahari, bulan, malam dan siang (al-Qur'an: Ibrahim (14): 33), lautan (al-Qur'an: al-Jâthiyah (45): 12), dan segala apa yang di langit dan yang di bumi (al-Qur'an: al-Qur'an: al-Jâthiyah (45):13).

⁵⁰ al-Qur'an: al-'Asr (103): 1-3.

⁵¹ al-Qur'an: al-Baqarah (2): 148; al-Maidah (5): 48.

⁵² al-Qur'an: al-Mujâdalah (57): 6; al-Isrâ'(17): 13-14.

B. AGAMA SEBAGAI PEMANGKIN PERADABAN

Malik Bennabi setelah menerangkan tentang kepentingan ketiga-tiga faktor; iaitu manusia, masa dan tanah, dalam pembentukan peradaban, membuat rumusan seperti berikut: peradaban = manusia + tanah + masa. Beliau kemudian mempersoalkan bahawa jikalau peradaban adalah hasil daripada faktor manusia, tanah dan masa, mengapakah kewujudan ketiga-tiga faktor tersebut tidak pula secara automatik melahirkan peradaban.⁵³

Malik Bennabi mengemukakan jawapan terhadap persoalan ini dari pendekatan ilmu Kimia. Menururtnya, air pada asasnya adalah hasil daripada hidrogen dan oksigen. Meskipun demikian kewujudan kedua-dua unsur ini tidak menjamin secara langsung terciptanya air. Menurut para ahli kimia, proses pembentukan air turut dipengaruhi oleh tunduk pada faktor lain yang berupa pemangkin⁵⁴ yang dapat mempercepat proses penyusunan dua unsur hidrogen dan oksigen yang seterusnya menyebabkan terciptanya air. Demikian juga dengan proses pembentukan peradaban, walaupun sudah tersedia tiga faktor utama; manusia, tanah, dan masa, masih diperlukan faktor lain sebagai pemangkin yang dapat mengolah dan menyusun ketiga-tiga unsur tersebut dan menjadikannya suatu peradaban. Pemangkin yang dimaksud dalam konteks ini menurut Malik Bennabi

⁵³ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 50.

⁵⁴ Pemangkin adalah terjemahan dari perkataan *murakkib* dalam bahasa Arab dan *catalyseur* dalam bahasa Perancis yang digunakan oleh Malik Bennabi. Dalam bahasa Melayu ia bererti unsur atau faktor yang dapat mengubah kecepatan sesuatu tindak balas kimia atau yang dapat mempercepat atau menyejeraikan berlakunya sesuatu perkembangan tetapi ia sendiri tidak mengalami apa-apa perubahan. (Dewan Bahasa Dan Pustaka (1994), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 856).

adalah agama.⁵⁵ Agama atau “pemikiran agama inilah yang selalu wujud di sebalik kelahiran sesuatu peradaban dalam sejarah.”⁵⁶ Agama menurut Malik Bennabi adalah pemangkin yang menjadikan manusia, tanah dan masa sebagai suatu kekuatan dalam sejarah dan yang menyebabkan kelahiran peradaban.

Untuk membuktikan teorinya, Malik Bennabi memberikan contoh sejarah kelahiran peradaban-peradaban besar dunia khususnya peradaban Islam dan peradaban Eropah, dan bahkan beliau juga mengamati dan kemudian menyimpulkan bahawa peradaban Komunis yang anti agama adalah juga lahir dari pemikiran agama.

(i) Peradaban Islam.

Dalam analisisnya tentang sejarah proses kelahiran peradaban Islam, Malik Bennabi mengatakan bahawa suatu agama mengalami kelahiran dua kali, pertama adalah kelahiran pemikiran keagamaan, dan yang kedua adalah masuknya pemikiran tersebut dalam diri manusia atau masuknya pemikiran tersebut dalam pentas sejarah. Agama Islam dapat menyatukan kedua-dua kelahiran tersebut dalam satu masa kerana pemikiran Islam datang di tempat yang masih kosong, di kalangan orang-orang yang masih gadis, yang belum mengenal kebudayaan dan agama sebelumnya.⁵⁷ Menurut Bennabi sebelum datangnya agama Islam, Jazirah Arab adalah dunia yang gelap; dengan masyarakat atau ‘manusia badwi’ yang

⁵⁵ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 50. Rujuk juga Bennabi (1991), *Ta'ammulât*, h. 200-201.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ *Ibid.*, h. 61.

hidup di tengah-tengah padang pasir atau ‘tanah’ yang tandus dan dengan ‘masa’ yang tidak bermanfaat. Hasilnya, ketiga-tiga faktor; manusia, tanah dan masa, lemah dan mundur, atau tidak berfungsi dalam sejarah.⁵⁸ Namun “setelah munculnya Malaikat Jibril di gua Hira’ - sepertimana ia telah mucul sebelumnya di lembah Muqaddas atau di perairan Jordan - maka lahirlah dari ketiga-tiga unsur yang masih mentah tersebut sebuah peradaban yang baru. Peradaban itu seakan-akan dilahirkan oleh perkataan “*iqra’* (bacalah)” yang mengejutkan Nabi yang tidak tahu baca itu dan yang kemudian mengejutkan seluruh alam.”⁵⁹

Malik Bennabi menilai bahawa hanya setelah datangnya Islam masyarakat Arab dapat melompat naik ke atas panggung sejarah, dan dalam masa yang panjang dapat membawa masyarakat-masyarakat yang luas di luar Semenanjung Arab kepada peradaban yang baru, serta memimpin mereka ke arah kemajuan yang mulia dan agung. Dalam hal ini Malik Bennabi mengatakan:

“Lompatan (kebangkitan orang-orang Arab) tidak dihasilkan oleh orang-orang ahli politik dan tidak juga oleh para ulama besar, ia terjadi di kalangan manusia-manusia biasa yang sederhana dan orang-orang lelaki yang masih dalam ke-badwi-an mereka, hanya sahaja penglihatan mereka pada saat-saat itu menuju ke arah apa yang di luar muka bumi atau ke arah apa yang di luar permukaan yang dekat, sehingga mereka dapat melihat tanda-tanda (wujud dan kebesaran Tuhan) pada diri mereka, dan dapat melihat cahaya-cahaya-Nya di atas angkasa. Adalah perkara yang aneh, ketika bersentuhan dengan roh, orang-orang yang sederhana dan terbelakang itu dapat berubah menjadi penyeru-penyeru Islam dan menjadi lambang keseluruhan peradaban baru.”⁶⁰

Muhammad Ibnu ‘Āsyūr (1909-1970) juga mengakui pentingnya Islam dalam kelahiran dan perkembangan peradaban masyarakat Islam.

⁵⁸ *Ibid.*, h. 57.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ *Ibid.*

Menurutnya, Islam adalah faktor pertama yang menciptakan sebuah masyarakat, ia adalah pendorong kebangkitan pemikiran dan yang membuka jalan penghubung antara masyarakat dengan apa-apa yang diciptakan oleh pemikiran.⁶¹ Ia adalah satu-satunya faktor yang telah membuka pandangan orang-orang Islam terhadap horizon alam raya sebagai lapangan untuk berfikir, mengambil pelajaran dan untuk dijadikan sumber ilmu pengetahuan dan keimanan.⁶² Dengan perspektif keyakinan agama, orang-orang Islam dapat melihat dan mengadakan penelitian terhadap semua yang dikandungi oleh alam semesta. Dengan keyakinan agama terbentuklah dalam kehidupan mereka semangat dan tradisi mencari ilmu pengetahuan dalam berbagai bidang. Seterusnya, dari mereka inilah lahir berbagai ilmu pengetahuan yang bersendikan agama yang menjadi warisan bersama umat manusia. Dengan keyakinan agama juga orang-orang Islam membentuk dunia dalam bentuk yang semestinya dan yang bersesuaian dengan hakikat nilai-nilai ketuhanan.⁶³ Menurut Muhammad Ibnu ‘Āsyūr, “keyakinan ketuhanan pada masa itu adalah atas penting bagi semua bangunan peradaban Islam, baik yang material maupun yang spiritual.”⁶⁴ “Dengan agama mereka berfikir, dengan agama mereka berperadaban dan dengan agama mereka melahirkan hasil-hasil peradaban.”⁶⁵

⁶¹ Muhammad Ibnu ‘Āsyūr (1992), *Rūḥ al-Haḍārah al-Islamiyah*. Virginia: the International Institute of Islamic Thought, h. 74-75.

⁶² *Ibid.*, h. 73.

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ *Ibid.*, h. 75.

(ii) Peradaban Barat.

Berlainan dengan agama Islam, yang dapat menyatukan antara “kelahiran pemikiran” dan “kelahirannya dalam pentas sejarah,” agama Kristian yang muncul di tengah-tengah berbagai macam agama dan kebudayaan; Yahudi dan Yunani-Romawi (Greco-Roman), tidak dapat secara efektif masuk ke dalam hati-hati manusia yang sudah dipenuhi dengan berbagai macam budaya.⁶⁶ Menurut Malik Bennabi, untuk mencari lingkungan yang sesuai maka Kristian harus berhijrah dari tempat kelahirannya. Ia meninggalkan tempat kelahirannya di Palestin dan berhijrah mencari tempat yang lebih sesuai iaitu Eropah Barat, tempat di mana peradaban Romawi sedang mengalami keruntuhannya pada abad keempat dan kelima. Hal ini memberikan jawapan mengapa agama tersebut walaupun telah dilahirkan enam abad sebelum Islam, ia hanya dapat memenuhi misi sejarahnya lama setelah itu dan di tempat yang jauh dari kelahirannya sendiri. Kenyataan ini dengan jelas menunjukkan bahawa pengaruh suatu idea agama berrgantung pada beberapa kondisi manusia dan tempat; kalau ia tidak dapat menemukan persekitaran manusia dan tempat yang sesuai di tempat kelahirannya maka ia akan berpindah dan mencarinya di tempat yang lain. Demikian yang terjadi pada agama Buddha. Ia terpaksa berhijrah meninggalkan tempat kelahirannya di India dan mencari persekitaran yang lebih sesuai iaitu Cina di mana ia dapat berkembang.⁶⁷ Menurut Malik Bennabi, di Eropah agama Kristian dapat mengalami kelahirannya yang kedua ketika ia diterima oleh orang-orang badwi berketurunan Jerman. Di kalangan orang-orang badwi Jerman inilah agama Kristian menemukan jiwa-jiwa

⁶⁶ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 61.

⁶⁷ Bennabi (1986), *Milād*, h. 59-60.

yang masih kosong, sehingga ia dapat masuk dan membangkitkan roh yang dinamik kepada mereka, yang kemudiannya mendorong mereka memasuki lingkaran sejarah.⁶⁸ Setelah berinteraksi dengan kabilah-kabilah Jerman, pemikiran Kristian memperoleh ciri-cirinya yang tersendiri dalam seni bangunan dan memiliki karya-karya seni yang tinggi.⁶⁹ Merujuk kepada pandangan Hermann Keyserling (1880-1946)⁷⁰ yang mengatakan bahawa: "di tangan orang-orang Jerman lahirlah roh moral yang tinggi di dalam dunia Kristian",⁷¹ Malik Bennabi berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan 'roh yang tinggi' oleh Keyserling adalah pemikiran Kristian yang sudah betul-betul bersedia untuk memasuki sejarah.⁷² Sementara itu kejatuhan Romawi meninggalkan masyarakatnya; figur, idea dan benda,⁷³ dalam keadaan berpecah-belah dan kacau bilau, dalam suatu masa yang dikenali sebagai "Abad Pertengahan." Dalam masyarakat yang alam figur, idea dan bendanya mengalami kekacauan dan perpecahan, pemikiran Kristian – yang telah bermula di kalangan orang-orang Jerman – memasuki alam mereka dan membentuk semula dunia Barat dengan wawasan yang baru.⁷⁴

⁶⁸ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 62.

⁶⁹ *Ibid.*, h. 61. Malik Bennabi merujuk kepada senibina Gothic. Senibina Gothic berkembang di Eropah, terutamanya di Perancis sejak pertengahan abad ke 12 sehingga hujung abad ke 15. Senibina Gothic berkembang dan berasal dari seni Romanesque yang menggabungkan antara selender dan tiang batu yang dikenali dengan "atap bertiang". Senibina Gothic pertama adalah di gereja Abbey St Denis (1140) dekat Paris dan di Notre Dame. Pada abad ke 13 berkembang *High Gothic* dengan atap-atap yang tinggi dengan selender dan dinding yang banyak, seperti yang terdapat pada gereja Chartres dan Reims di Perancis, Salisbury di England dan Cologne di Jerman. Pada abad ke 14 dan 15 senibina Gothic lebih bayak menggunakan ornamen dan dekorasi terutamanya berbentuk ukiran. Michael D. Harkavy *et al.* (1996), *The New Webster's International Encyclopedia*, Canada: D.S. Max, h. 445.

⁷⁰ Sila rujuk huriaian tentang biodata dan karya-karyanya dalam nota kaki no. 43, bab pertama, fasil satu.

⁷¹ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 61.

⁷² *Ibid.*, h. 62.

⁷³ Ketiga-tiga alam tersebut; benda, figur dan idea akan di perbincangkan dengan mendalam pada fasil selanjutnya.

⁷⁴ Bennabi (1986), *Milād*, h. 60.

Dalam analisis al-Attas, pemindahan pusat Kristian dari Yerussalem ke Roma, melambangkan awal westernisasi Kristian dan perembesannya yang berangsur-angsur dan turut-turut dari unsur-unsur Barat, yang dalam masa-masa sejarahnya lebih lanjut menghasilkan dan mempercepat proses sekularisasi. Menurut beliau dari segi pandangan Islam, terdapat dua Kristian: yang sejati dan benar, dan yang versi Barat. Kristian yang sejati dan benar sesuai dengan Islam. Mereka yang sebelum kedatangan Islam percaya kepada ajaran-ajaran yang sejati dan benar dari Isa a.s. adalah penganut-penganut yang benar. Sesudah kedatangan Islam mereka telah masuk ke dalam barisan Islam jika mereka mengetahui fakta tentang Islam dan jika kepercayaan dan kepatuhannya adalah benar-benar tulus. Mereka yang dari permulaannya telah mengubah ajaran-ajaran Isa a.s. yang sejati dan beralih dari ajaran-ajrannya yang benar adalah perintis-perintis kreatif Kristian Barat, Kristian yang kita kenal sekarang ini.⁷⁵

Menurut Malik Bennabi, keimanan dan pemikiran Kristian bertindak membentuk perhubungan-perhubungan yang membolehkan masyarakat Barat, sejak masa-masa awalnya, untuk mula berperanan dalam sejarah.⁷⁶ "Pemikiran Kristian telah mengeluarkan Eropah ke panggung sejarah. Dari situ Eropah telah membangun alam pemikirannya. Pada masa Renaissance Eropah menemukan alam Yunani dan berkenalan dengan Socrates, seorang pencetus idea, Plato sejarawan yang mencatat idea, dan Aristotles yang mempraktekkan idea tersebut. Hanya sahaja alam yang ditemukan kembali ini, yang ditemukan melalui

⁷⁵ Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1993), *Islam And Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, h. 20-21.

⁷⁶ *Ibid.*, h. 60.

peradaban Islam, telah berbaju Kristian sejak zaman Saint Thomas Aquinas.^{77,78}

“Pemikiran Kristian membentuk ‘aku’⁷⁹ orang Eropah atau keperibadiannya, sebagaimana ia membentuk pemandangan Eropah yang kita lihat pada pertengahan kurun ini.”⁸⁰ “Eropah yang kita saksikan hari ini adalah manifestasi daripada proses spiritual yang telah dibawa sejak dua milinium dalam sejarah Kristian.”⁸¹

Untuk menguatkan lagi pendapatnya tentang peranan Kristian dalam pembentukan dan perkembangan sejarah peradaban Barat, Malik Bennabi merujuk lagi kepada Keyserling yang mengatakan bahawa “pusat utama peradaban Eropah adalah roh agamanya.”⁸² “Roh dan prinsip moral Kristian merupakan asas kemajuan sejarah Eropah.”⁸³ Menurut Bennabi selanjutnya, bahawa pemikiran Kristian tidak sahaja telah membentuk ‘aku’ secara individu dan masyarakat Eropah, bahkan ia telah menjadi faktor moral yang kuat yang mendorong Eropah ke arah penjajahan, Malik Bennabi dalam hal ini mengatakan: “Kristian

⁷⁷ St. Thomas Aquinas (1225-1274), ahli falsafah dan teologi dari Itali, dikenali sebagai pakar terkemuka teologi dalam lingkungan gereja Roman Katolik. Karya-karya beliau adalah: Commentary on the *Sentences*, *De ente et essentia* and *De Veritate*, *De Regimine Principum*, *De Potentia*, *the Summa Contra Gentiles*, *Summa Theologiae*. Terrie M. Rooney, *et al.* (1998), *Encyclopedia of World Biography*, j. 15, c. 2. Detroit: Gale Research. h. 183-186. St. Aquinas banyak dipengaruhi oleh Ibnu Sina dalam pempezaannya antara esensi dan eksistensi yang mengakibatkan perobahan revolusioner di dalam teologi dan metafizika Kristian dan yang akibat dan serta implikasinya menguasai falsafah dan teologi Kristian hingga hari ini. Aquinas juga berhutang kepada Ibnu Sina atas idea bahawa yang universal mempunyai eksistensi nyata hanya sebagai idea kreatif Tuhan, dan mempunyai eksistensi empirik hanya dalam perkara-perkara individual, dan mempunyai eksistensi mental kalau diabstraksi dari seluk-beluk fikiran manusia. Ini adalah idea-idea yang dalam fikiran seorang genius seperti Aquinas, memainkan suatu peranan penting dalam perumusan teologi dan metafizika Kristian dan menyumbang kepada timbulnya abad keemasan Skolastisisme. (Al-Attas (1993), *op.cit.*, h. 102-103).

⁷⁸ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 41-42.

⁷⁹ Perkataan ‘Aku’ adalah satu istilah yang banyak digunakan dalam falsafah, khususnya dalam tulisan-tulisan Johann Gottlieb Fichté (1729-1762), seorang ahli falsafah dari Jerman.

⁸⁰ Bennabi (1987), *Milād*, h. 61.

⁸¹ *Ibid.*

⁸² Bennabi (1987), *al-Nahḍah*, h. 62.

⁸³ *Ibid.*, h. 63.

memberikan semangat perluasan moral, yang kemudian dipergunakan sebagai alat untuk perang Salib dan projek-projek penjajahan.⁸⁴ Sebagaimana juga yang dikatakan oleh Samuel P. Huntington bahawa orang-orang Barat pada abad keenam belas ketika mereka bergerak menjajah dunia, mereka dengan tujuan untuk Tuhan dan juga untuk emas.⁸⁵

Bagaimanakah Malik Bennabi menafsirkan fenomena Renaissance dan revolusi ilmu pengetahuan dalam sejarah Barat yang banyak difahami sebagai gerakan sekularisme dan pemberontakan terhadap pemikiran Kristian?

Menurut Malik Bennabi, apabila seseorang berusaha untuk menjelaki semangat Kristian sepanjang sejarah akan mendapat sama dengan menjelaki perjalanan sejarah Eropah secara keseluruhan. Oleh kerananya, menulis sejarah Eropah dan menggambarkan semangat perhubungan kemasyarakatan dalam agama Kristian adalah satu proses dalam dua cara yang berbeza; artinya baik dengan mengikuti fenomena sejarah Eropah ataupun mengikuti fenomena Kristian hasilnya akan sama kerana masing-masing dari kedua-dua fenomena tersebut saling bergantungan. Kedua-dua fenomena tersebut saling bergantungan antara satu dengan yang lain walaupun kadang kala keduanya tampak saling berlawanan. Maka itu, setiap kejadian yang dicatat dalam masa-masa penting dalam sejarah Eropah tidak lain daripada manifestasi pemikiran Kristian.⁸⁶

⁸⁴ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 40.

⁸⁵ Samuel. P. Huntington (1996), "The West Unique Not Universal", *Foreign Affairs*, November/Desember, h. 30-31.

⁸⁶ Bennabi (1986), *Milād*, h. 62.

Dalam pandangan Malik Bennabi, semua fenomena yang terjadi dalam sejarah Eropah, seperti Perang Salib, Renaissance, Reformasi,⁸⁷ penjajahan yang dimulakan dengan pembukaan Amerika dan Revolusi 1848⁸⁸ yang mempengaruhi semua benua Eropah, adalah manifestasi-manifestasi daripada pemikiran agama yang satu iaitu Kristian. Menurut Malik Bennabi, perang Salib dan Revolusi 1848 adalah menifestasi yang berlainan daripada agama yang sama; Perang Salib yang memiliki hubungan langsung dengan pengaruh Kristian sementara Revolusi 1848 tampak sebagai hasil dari idea sains dan sekular yang tumbuh dengan falsafah John Locke (1632-1704) dan para sekular Perancis. Kedua-dua fenomena tersebut tampak bagaikan fenomena-fenomena yang berlawanan; antara yang berasal terus dari keimanan Kristian dan yang berasal dari idea sekular. Namun menurut Malik Bennabi, kedua-dua fenomena tersebut sebenarnya adalah produk dari aktiviti bersama; dari alam benda, alam figur dan alam idea yang sama.⁸⁹ Kedua-dua kejadian adalah hasil dari aktiviti-aktiviti bersama; dari pemikiran dan tindakan masyarakat yang sama, dari arah dan sumber yang sama dan dari jalinan kemasyarakatan yang sama.⁹⁰ Dengan demikian Revolusi 1848 berkembang dalam bekas yang sama dengan Renaissance dan juga Perang Salib; yang merupakan manifestasi daripada keimanan Kristian dalam bentuk yang berlainan.⁹¹

⁸⁷ Reformasi yang terjadi di Eropah Barat dalam bidang agama dan politik pada abad ke 16. Ia adalah usaha mengadakan perubahan terhadap doktrin-doktrin gereja Roman Katolik yang membawa kepada kelahiran aliran Protestan. Reformasi ini dipimpin oleh Martin Luther di Jerman, Huldreich Zwingli dan John Calvin di Swiss, dan Henry VIII di England. Harkavy *et al.* (1996), *op.cit.*, h. 909.

⁸⁸ Ia adalah beberapa siri revolusi yang tidak berjaya yang terjadi di Perancis, Itali, Austria dan Jerman. Ia memiliki sebab-sebab umum yang sama, iaitu; kejayaan revolusi Perancis 1789, krisis ekonomi akibat daripada pemusatan kekuasaan dan pengangguran serta berkembangnya perasaan frustasi di kalangan masyarakat akibat dari tekanan para penguasa. Harkavy *et al.* (1996), *op.cit.*, h. 919.

⁸⁹ Perbincangan secara menyeluruh tentang ketiga-tiga alam tersebut, iaitu; alam benda, alam figur dan alam idea dapat dirujuk di dalam fasil selanjutnya.

⁹⁰ Bennabi (1986), *Milād*, h. 63.

⁹¹ *Ibid.*, h. 64.

Semua yang dimiliki oleh alam benda, alam idea dan alam figur Eropah adalah juga bahagian dari bangunan Eropah dan fenomena Eropah yang merupakan produk daripada jalinan perhubungan kemasyarakatan yang sama yang telah melahirkan perang Salib dan Revolusi 1848.⁹² Hal ini sesuai dengan apa yang dikatakan oleh John Dismond Bernal ketika menganalisis fenomena reformasi dalam agama Protestan, sebagai berikut: “Gerakan-gerakan yang menghantam feudal dan kewibawaan gereja, adalah gerakan-gerakan yang sama yang menghantam penghambaan dan sistem-sistem yang diwariskan dan yang sudah ketinggalan zaman, sebagaimana dalam politik juga terjadi revolusi dalam ilmu pengetahuan terhadap tradisi-tradisi, revolusi yang membebaskan akal dari lingkaran yang sempit yang membelenggu, kepada karya-cipta kemanusiaan.”⁹³ Malik Bennabi menguatkan kembali pendapatnya dengan merujuk kepada Francois Guizot (1787-1874),⁹⁴ yang mengatakan: “adalah sememangnya merupakan ciri-ciri asal dan yang mengesankan daripada peradaban Eropah, sejaka ia berkembang di bawah pengaruh Injil, [baik pengaruh tersebut] jelas ataupun tidak, diterima ataupun ditolak, di mana kekuasaan dan kebebasan hidup dan berkembang bersama.”⁹⁵

Demikianlah menurut Malik Bennabi bahawa “kita harus melihat kandungan sejarah agar kita dapat menemukan pemangkin yang memasuki dan menjadikan ketiga-tiga faktor; manusia, tanah, dan masa suatu peradaban. Tidak

⁹² *Ibid.*

⁹³ John Dismond Bernal (1982), *al-'Ilm wa al-Tārikh*. Syukri Ibrahim Saad (ter.), j. 2, c. 1. Beirut: al-Mu'assasah al-Arabiyyah li al-Dirasat wa Al-Nashr, h. 137.

⁹⁴ Francois Pierre Guillaume Guizot (1787-1874), negarawan dan ahli sejarah berasal dari Prancis.

⁹⁵ Bennabi (1986), *Milād*, h. 60.

perlu lagi memperpanjang pembicaraan tentang pengaruh agama sebagai pemangkin peradaban, kerana siapa sahaja yang mempelajari peradaban Barat melalui Toynbee ataupun Masis, akan mendapati pengaruh pemikiran Kristian dalam bangunan peradaban tersebut.”⁹⁶ Toynbee berpendapat bahawa Kristian merupakan salah satu faktor pembentuk utama peradaban Barat, dan merupakan salah satu agama besar yang berhubung-kait dengan sejarah peradaban. Menurutnya kalau agama Buddha berhubung-kait dengan Cina, Hindu dengan India dan Islam dengan peradaban Islam, maka Kristian berhubung-kait rapat dengan peradaban Barat.⁹⁷ Huntington juga mengakui bahawa Kristian Barat – Katolik kemudian Protestan – adalah keistimewaan sejarah yang utama dan yang paling penting dalam peradaban Barat. Ia kerana pada awalnya, apa yang sekarang dikenal dengan peradaban Barat, adalah dikenal sebagai Barat yang Kristian.⁹⁸

(iii) Peradaban “komunisme”

Kalau Malik Bennabi dapat membuktikan bahawa agama adalah pemangkin dalam proses kelahiran masing-masing peradaban Islam dan peradaban Eropah, bagaimana ia menafsirkan asal-usul peradaban Komunis?

Malik Bennabi menjawab sebagai berikut:

“persoalan ini [peradaban komunis] mengundang banyak pertanyaan dari para pembaca, kerana kita tidak dapat melihat di dalamnya ciri roh seperti yang kita dapat di dalam kitaran peradaban

⁹⁶ Bennabi (1991), *Ta’ammulât*, h. 199.

⁹⁷ Arnold J. Toynbee (1992), *Change and Habit*. Oxford: One World Publications, h. 161-183.

⁹⁸ Huntington (1996), *op.cit.*, h. 30.

secara umum, kerana itu dikatakan bahawa: fahaman komunis sebagai peradaban tidak berasal dari faktor roh! Kesalahan yang umum ini datang pertama-tama dari penafsiran fahaman komunis sebagai peradaban, dan juga dari karya-karya Marx⁹⁹ dan Engels¹⁰⁰ yang – pada kenyataannya - menutupi proses sebenar pembentukan komunisme yang merupakan bahagian daripada fenomena kitaran peradaban Kristian. Yang pasti kita tidak akan mendapatkan tafsiran kalau kita tidak membuka lembaran-lembaran peradaban Kristian. Peradaban Kristian itulah yang membentuk permukaan tanah yang subur, yang daripadanya pemikiran marxisme mendapatkan kehidupan. Atas dasar ini kita terpaksa untuk menganggap bahawa fahaman komunis adalah "krisis" peradaban Kristian. Demikian adalah pandangan dari sudut sejarah, tapi yang lebih penting bagi kita adalah untuk melihatnya dari sudut psikologi. Dilihat dari aspek ini maka komunisme secara teoritikal pada asalnya adalah 'pemikiran' Marx, akan tetapi terdapat komunisme secara praktikal, yang pada intinya merupakan aktiviti-aktiviti orang-orang yang memiliki kepercayaan, mereka yang didorong oleh suatu kekuatan yang ada di dalam diri mereka, kekuatan yang sama yang mendorong orang-orang lain yang mempercayainya di berbagai-bagai masa yang berlainan; mereka yang menyaksikan kelahiran berbagai-bagai peradaban. Maka fenomena tersebut pada intinya terletak pada faktor jiwa, yang ditentukan oleh perilaku masing-masing individu ketika menghadapi persoalan-persoalan masyarakat yang sedang tumbuh. Kita tidak dapat memahami contoh yang diberikan oleh Stakhanov terhadap masyarakat lapisan umum di Rusia ketika mula pelaksanaan projek lima tahun pertama, dengan melipatgandakan kadar pengeluaran arang setiap hari, tanpa dengan memahami contoh yang diberikan oleh Salman Al-farisi¹⁰¹ ketika melipatgandakan kerja setiap Sahabat saat membina parit sekeling kota Madinah ketika menghadapi perang Ahzab¹⁰², atau contoh

⁹⁹ Karl Marx (1818-1883), ahli falsafah, sosial dan ekonomi Jerman, pengasas aliran sosialisme moden, di antara karya besarnya adalah *Das Kapital* dan bersama dengan Engels menulis *Communist Manifesto*. (Harkavy et al. (1996), op.cit., h. 681).

¹⁰⁰ Friedrich Engels (1820-1895), ahli falsafah sosial dari Jerman, bekerja dengan Karl Marx mengasaskan sosialisme moden, di antara karya-karyanya: *The Condition of the Working Class in England* (1845), *the Communis Manifesto* (1848) *the Origin of Family, Private Property, and State* (1844). (Harkavy et al. (1996), op.cit., h. 357).

¹⁰¹ Salman al-Farisi (wafat 656M), salah seorang sahabat Nabi Muhammad s.a.w., dan sangat masyhur dikalangan tokoh-tokoh Islam awal. Beliau adalah anak seorang ketua kampung Parsi, di Jaiyan dekat Isfahan. Beliau mempunyai pengalaman yang luas tentang agama Kristian. Beliau mengembarnya ke Syria dan terus ke semenanjung Arab untuk menemui Nabi Muhammad, dipertengahan jalan ia ditipu oleh seorang Badwi dan dijual kepada seorang Yahudi di Yathrib sebagai seorang hamba abdi. Apabila bertemu dengan Nabi beliau terus memeluk Islam dan dibebaskan oleh Rasulullah. Beliau terkenal kerana telah mengusulkan kepada Nabi untuk menggali parit (khandaq) sekeling kota Madinah untuk menyekat serangan kaum Musyrikin dalam peristiwa perang Ahzab. (Mahyudin Hj Yahya (1987), *Insiklopedia Sejarah Islam*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 125).

¹⁰² Ahzab jamaik dari *hizb* yang bererti kelompok atau golongan, dinamakan dengan perang Ahzab kerana musuh-musuh Islam yang terdiri dari golongan-golongan Kafir Quraisy, Gotofan dan

yang diberikan oleh Ammar Bin Yasir¹⁰³ ketika beliau mengangkat dua buah batu di atas bahunya ketika membangun Masjid Madinah sementara yang lain hanya mengangkat satu batu. Dalam dua hal tersebut kita mendapatkan bahawa ‘iman’ adalah yang membuka jalan ke arah peradaban.”¹⁰⁴

Di tempat lain Malik Bennabi mengatakan:

“Ketika Kristian tidak lagi memiliki dimensi ghaib yang kuat, ia menjadi sebuah kerangka atau bangunan asas yang melahirkan Marxisme, yang pada dasarnya merupakan agama dalam pengertiannya yang umum; kerana ianya memberikan pandangan tentang alam, janji-janji dan semangat perhubungan serta dorongan moral kepada para pengikutnya. Dengan demikian materialisme sebenarnya adalah konsep keagamaan ketika ia mengaku dirinya sebagai pengganti agama.”¹⁰⁵

Malik Bennabi, seperti yang tampak dalam jawapan di atas, melihat fenomena Komunisme dari dua aspek; aspek sejarah dan aspek psikologi yang berhubung-kait dengan keyakinan. Dilihat dari aspek sejarah, maka menurut Malik Bennabi Komunisme atau Marxisme adalah ‘krisis’ dalam peradaban Kristian, iaitu ketika agama itu tidak lagi memiliki nilai-nilai ghaib. Teologi Kristian yang meremehkan peranan akal budi dan juga pengetahuan tentang kebenaran spiritual.¹⁰⁶ Krisis yang terjadi ketika para teolog dan cendikiawan Kristian yang menjadi *avant-garde*-nya gereja telah telibat jauh dalam kemurtadan, kerana sementara dengan teguh berketetapan hati untuk tetap sebagai Kristian, mereka secara terbuka menganut dan menganjurkan versi Kristian yang disekularkan. Jadi

Yahudi bersekutu menyerang Nabi Muhammad s.a.w. dan kaum Muslimin di kota Madinah. Ia dinamakan juga dengan perang Khandak yang bererti parit kerana kaum Muslimin menggunakan strategi pertahanan dengan menggunakan parit sekeliling kota Madinah atas usulan Salman Al-Farisi, perang tersebut terjadi pada bulan Syawal tahun 5H/ 627M. Hasan Muarif Ambary *et al.* (1994), *Insiklopedi Islam*, j. 3. c. 2. Jakarta:Ichtiar Baru van Hoeve, h. 38).

¹⁰³ Ammar bin Yasir (wafat 37H/ 657M), salah seorang sahabat terdekat Nabi s.a.w. yang mendapat banyak tentang dan azab kerana/ memeluk Islam, bapanya Yasir dan ibunya Sumayyah mati syahid ketika dalam siksaan.

¹⁰⁴ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 60-61.

¹⁰⁵ Malik Bennabi (1991), *al-Qadāyā al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir, h. 110.

¹⁰⁶ Al-Attas (1993), *op.cit.*, h. 33.

dengan demikian mereka menggiring suatu Kristian baru ke dalam tradisi Kristian, sehingga secara bertahap merubah dan mengantikannya dari dalam.¹⁰⁷

Sementara itu, dari aspek psikologi Malik Bennabi menilai Komunisme atau Marxisme sebagai pemikiran keagamaan yang berhubung-kait dengan keyakinan para penyokong dan pengikutnya terhadap idea-idea dan doktrin-doktrin yang dicipta oleh Karl Marx. Daripada aspek yang kedua ini, jelas bahawa Malik Bennabi mentafsirkan aspek psikologi manusia yang berbentuk suatu keyakinan terhadap suatu idea, juga merupakan pemikiran agama. Beliau tidak membezakan antara ‘akidah agama’ dan ‘pemikiran manusia’. Pandangan Malik Bennabi yang sama juga dapat ditemukan di bahagian lain tulisan Malik Bennabi ketika beliau mengatakan: “Menurut pendapat saya faktor-faktor tersebut¹⁰⁸ memerlukan dimensi lain, iaitu faktor psikologi, suatu faktor yang dinamakan dengan akidah, atau sebahagian yang lain menamakannya dengan ‘ideologi.’”¹⁰⁹ Tafsiran Malik Bennabi terhadap ‘ideologi’ sebagai pemikiran agama atau akidah adalah tidak tepat, khususnya bila dilihat dari kerangka pemikiran Islam, kerana kedua istilah tersebut sangat berbeza. Perbezaan yang paling prinsip adalah bahawa akidah atau pemikiran agama berhubung-kait dengan wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T., sementara ideologi adalah pemikiran yang dicetuskan oleh ijihad manusia dan kekuatan akidah sebagai pemangkin suatu peradaban adalah lebih kuat, lebih besar dan lebih menyeluruh berbanding kekuatan sebuah ideologi.

¹⁰⁷ *Ibid.*, h. 4.

¹⁰⁸ Yang dimaksudkan adalah ketiga-tiga faktor; manusia, tanah dan masa.

¹⁰⁹ Perbincangan dengan Malik Bennabi, *Majalah al-Shubbān al-Muslimīn*, Bil. 171, Rabi al-Awwal, 1391H/ Mei 1971, h. 16-17.

Beberapa sarjana lain juga memberikan kesimpulan yang dapat memperkuat anggapan Malik Bennabi bahawa Komunisme atau Marxisme harus dilihat sebagai perkembangan lain dari peradaban Kristian. Nicholas Berdyaev¹¹⁰ menganggap bahawa “Komunisme-Marxisme menjadi sangat dinamik dan aktif kerana ia membawa sifat-sifat suatu agama. Tidak ada satu teori ilmu ataupun politik praktikal yang dapat berperanan sedemikian.”¹¹¹ Gonzague de Reynold¹¹² melihat peradaban di Rusia sebagai peradaban Kristian Ortodok yang ‘tersalah tembak’.¹¹³ Juga Arnold Toynbee yang menganggap Komunisme sebagai ‘agama lain di zaman kita’ dan berpendapat bahawa ia hanya ‘satu muka surat yang diambil dari buku Kristian; satu mukasurat yang terkoyak dan tersalah baca.’¹¹⁴

Komunisme-Marxisme percaya kepada kehormatan manusia, nilai-nilai dalam sains dan ilmu pengetahuan, seni dan kebudayaan dan juga percaya kepada keadilan sosial, tetapi ia tidak suka terhadap idea tentang Tuhan, yang merupakan sumber utama dari semua nilai. Ia memiliki tulisan-tulisan yang disucikan juga memiliki cara peribadatan “ia memiliki syurga dan neraka, ia juga memiliki keselamatan dan kecelakaan” tapi ia tetap merupakan “sebuah agama tanpa dengan Tuhan.”¹¹⁵

¹¹⁰ Nicholas Berdyaev (1874-1948), seorang ahli falsafah Rusia yang pada masa mudanya mengagumi Marxisme dan yang kemudian menjadi pengkritik Marx, pernah menjadi Professor bidang falsafah di Universiti Moscow, berhijrah ke Berlin kemudian ke Perancis, Di antara karyanya adalah *Christianity and Communism* dan *The Origin of Communism*.

¹¹¹ Nicholas Berdyaev (1952), *The Realm of God and the Realm of Caesar*. Donald A Lowrie (ter.) London: n.p., h. 136.

¹¹² Gonzague de Reynold, seorang sâsterawan dan ahli sejarah berasal dari Swiss, karya besarnya *La Formation de L' Europe* terdiri dari lapan volume.

¹¹³ Dikutip dari Barium (1993), *op.cit*, h. 121.

¹¹⁴ Arnold Toynbee (1955), *Civilization on Trial*. New York: Oxford University Press, h. 235.

¹¹⁵ Abdul Jalil Mia (1980), *Concept of Unity*. Dacca: Islamic Foundation Bangladesh, h. 20-21.

Falsafah Marx tentang materialisme dialektikal merupakan sebuah revolusi yang melawan semua falsafah idealistik. Ia adalah falsafah yang percaya hanya kepada kemampuan sains yang secara radikal sangat berbeza dengan semua idealisme dan pemikiran agama. Ia bertujuan untuk mengubah struktur dunia manusia dan masyarakat melalui sains dan tidak melalui Tuhan. Ia merupakan pandangan yang sangat materialistik yang berusaha menerangkan semua mazhab dalam pembangunan dan kemajuan hanya dalam konsep sains.¹¹⁶ Marxisme dengan demikian adalah pandangan hidup yang ateis, yang pada permulaan abad kedua puluh para saintis fahaman ini secara ekstrim telah melancarkan gerakan ‘anti-tuhan’ untuk menyapu setiap aliran keagamaan dari bumi Russia.¹¹⁷ Marxisme sebagai falsafah ateis, percaya dengan berbagai macam nilai, tapi pada saat yang sama ia tidak dapat percaya dengan ‘sumber semua kebaikan dan realiti akhir dari nilai.’ Ateis berusaha meyakini bahawa antara nilai dan Tuhan tidak memiliki hubungan.¹¹⁸ Persepsi sebegini mengandungi pertentangan dan susah untuk diterima.

Demikianlah, baik dalam perbincangan tentang masyarakat Islam ataupun masyarakat Kristian, ataupun tentang masyarakat-masyarakat yang telah menjadi batu atau yang telah punah, dapat dipastikan bahawa pemikiran yang tertanam sebagai benih-benih kemunculan masyarakat-masyarakat tersebut dalam sejarah adalah pemikiran agama.¹¹⁹ Suatu peradaban tidak muncul melainkan dengan kepercayaan keagamaan,¹²⁰ dan oleh kerana itu adalah tidak berlebihan kalau

¹¹⁶ *Ibid.*, h. 21.

¹¹⁷ *Ibid.*, h. 22.

¹¹⁸ *Ibid.*, h. 21.

¹¹⁹ Bennabi (1987), *Milād*, h. 56.

¹²⁰ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 56.

sejarah menemukan asal-usul peradaban Buddha dalam agama Buddha, dan benih peradaban Hindu dalam agama Hindu Brahma.”¹²¹ Malik Bennabi kemudian menyimpulkan bahawa:

“Suatu peradaban tidak muncul dalam suatu bangsa melainkan dalam bentuk wahyu yang turun dari langit, yang menjadi pedoman dan jalan bagi manusia, atau ia paling tidak asas-asasnya berperanan mengarahkan manusia kepada pemujaan yang ghaib dalam pengertian yang umum. Seakan akan telah ditakdirkan bahawa matahari peradaban tidak akan terbit kepada manusia, kecuali bila penglihatannya memandang jauh kepada sesuatu yang di luar kehidupan buminya atau jauh dari masanya, kerana ketika dia menyingkap hakikat kehidupannya yang lengkap, pada masa yang sama dia dapat melihat pengertian-pengertian segala sesuatu yang paling tinggi yang dapat dikuasai oleh akalnya dan yang berinteraksi dengannya.”¹²²

C. AGAMA DAN JARINGAN PERHUBUNGAN KEMASYARAKATAN

Malik Bennabi ketika menganggap agama sebagai pemangkin peradaban, beliau lebih banyak melihat kepada peranan agama dari aspek sosial. Iaitu sebagai ‘pemangkin’ yang dapat membentuk nilai-nilai yang merubah ‘manusia individu’ ke dalam satu kesatuan dalam masyarakat, yang menjadikan ‘masa’ – yang pada asalnya hanya merupakan jumlah jam yang bergerak – sebagai masa yang berdimensikan sosial yang dikira dengan kualiti kerja, dan yang menjadikan ‘tanah’ – yang hanya tampak sebagai keperluan yang sederhana – sebagai medan

¹²¹ *Ibid.*

¹²² *Ibid.*, h. 50.

yang luas yang dapat dikuasai dan digunakan sepenuhnya untuk memenuhi keperluan-keperluan kehidupan masyarakat umum.¹²³

Agama bagi Malik Bennabi, adalah ‘pemungkin’ nilai-nilai sosial semenjak fasa kelahiran, perkembangan dan pergerakan suatu masyarakat, iaitu ketika agama berperanan sebagai fenomena masyarakat ramai. Ini kerana, “ketika iman menjadi fenomena individu atau hal perseorangan, maka sejarah misinya akan terputus di bumi, tidak mampu menjadi penolak dan penggerak peradaban, kerana ia menjadi seperti imannya para rahib¹²⁴ yang memutuskan hubungn dengan kehidupan dan melarikan diri dari kewajipan-kewajipan.”¹²⁵

Sistem-sistem peribatan dan muamalah dalam ajaran agama – khusunya dalam konsepsi Islam – adalah faktor-faktor yang menjadikan suatu keimanan yang ada dalam hati dan dalam alam fikiran yang abstrak, suatu hakekat yang hidup sebagai amalan masyarakat. Oleh kerana itu, menurut Malik Bennabi, dalam konsep agama Islam, ketika Allah S.W.T. berfirman:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِي

“Dan Aku tidak mencipta Jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu.”

Terjemahan Surah: al-Dhāriyāt (15): 56.

Allah S.W.T. tidak bermaksud memisahkan manusia dari bumi. Ia justeru bermaksud membuka jalan yang lebih lebar bagi manusia untuk melaksanakan

¹²³ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 27.

¹²⁴ Orang yang bertapa dalam biara Kristian.

¹²⁵ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 27.

kerja-kerja bumi mereka.¹²⁶ Alasannya adalah, kerana “ketika agama menciptakan jaringan roh yang menghubungkan antara masyarakat dengan Allah S.W.T., ia dalam masa yang sama juga menciptakan jaringan perhubungan kemasyarakatan. Jaringan perhubungan yang menjadikan masyarakat dapat memainkan peranan dunia mereka dan dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti mereka bersama. Dengan demikian agama mengikat cita-cita langit dengan tuntutan-tuntutan bumi.”¹²⁷ “Perhubungan rohani antara Allah S.W.T. dengan manusia, adalah yang menciptakan perhubungan kemasyarakatan dan yang mengikat hubungan manusia dengan saudaranya sesama manusia.”¹²⁸ “Kedua-dua perhubungan; perhubungan kemasyarakatan dan perhubungan keagamaan [rohani], dari perspektif sejarah adalah satu ketepatan dan dari perspektif kosmologi keduanya adalah tujuan perjalan semua masyarakat.”¹²⁹

Malik Bennabi juga berpendapat bahawa peranan perhubungan keagamaan dalam meningkatkan kedinamikan perhubungan kemasyarakatan dapat diukur dengan membuat perbandingan secara aritmatik antara jumlah perhubungan keagamaan dalam suatu masyarakat dengan jumlah perhubungan yang dapat menciptakan perhubungan kemasyarakatan. Dengan asas bahawa setiap individu menikmati perhubungan kemasyarakatan ($N-X$) dalam sebuah masyarakat yang keanggotaanya terdiri daripada N , yang mana ia hanya menikmati satu perhubungan keagamaan. Maka kedinamikan perhubungan kemasyarakatannya adalah sebagaimana dalam rumusan berikut:

¹²⁶ Bennabi (1987), *Milād*, h. 79.

¹²⁷ *Ibid.*

¹²⁸ *Ibid.*, h. 56.

¹²⁹ *Ibid.*

$$N(N-X)$$

$$\frac{\text{-----}}{N} = N-X$$

$$\frac{\text{-----}}{N}$$

Ini bererti bahawa agama menciptakan suatu sistem kemasyarakatan di mana ia dapat menjadikan individu sebagai individu-individu yang banyak, kerana ianya didarab dengan jumlah perhubungan kemasyarakatan $N \cdot X$. Setiap perhubungan keagamaan melemah jumlah perhubungan kemasyarakatannya akan berkurang, yang oleh kerananya ke-vakum-an sosial (*social vacuum*) di antara individu-individu dalam masyarakat tersebut bertambah. Sebaliknya ketika perhubungan keagamaan menguat maka perhubungan kemasyarakatannya juga meningkat, dan kerananya ke-vakum-an sosial berkurang.¹³⁰ Menurut Malik Bennabi hadith Rasulullah S.a.w. yang maksudnya “Orang Mukmin bagi orang Mukmin yang lain adalah bagaikan sebuah bangunan yang sebahagian memperkuat sebahagian yang lain”¹³¹ adalah merupakan gambaran sebuah masyarakat yang tidak memiliki ke-vakum-an sosial¹³² akibat daripada kedinamikan perhubungan keagamaan mereka.

Menurut Malik Bennabi juga bahawa peranan pemikiran agama tidak hanya dalam membentuk jaringan kemasyarakatan dan tingkah laku manusia untuk dapat mencapai misi peradaban, tapi ia juga memecahkan masalah-masalah psikologi masyarakat yang penting yang berhubung-kait dengan kelangsungan hidup suatu peradaban. Hal ini kerana aktiviti-aktiviti kemasyarakatan tidak dapat menghasilkan sesuatu dan tidak dapat bertahan hidup kecuali dengan kewujudan

¹³⁰ *Ibid*, h.57.

¹³¹ Hadith diriwayatkan oleh Muhammad bin Ismā'il Abū Abd Allah al-Bukhārī (Imam al-Bukhārī) dari Abu Mūsa al-Asy'ari, dalam *Sahīh al-Bukhārī*, Kitab: Adab. (Mausū'ah al-Hadīth al-Syarī'ah, CD, c. 1: 1.1. Kaherah: Syarikah Sakhar li Barāmij al-Hāsib 1991-1996).

¹³² Bennbi (1986), *Milād*, h. 57.

‘sebab tertentu’, yang dapat menghasilkan dan menggerakkan kekuatan. Sebab yang lahir daripada pemikiran agama. Oleh kerana itu menurut Malik Bennabi pemikiran agama selain menciptakan jaringan perhubungan dan membentuk tingkah laku individu dalam masyarakat, ia juga “menciptakan dalam hati masyarakat suatu undang-undang tentang tujuan hidup yang jauh (*ghā'iyyah*), dengan memberikan kesedaran akan tujuan tertentu, yang dengannya kehidupan menjadi bermakna dan mempunyai arah. Ketika ia menekankan tujuan tersebut dari generasi ke generasi dan dari satu tingkatan masyarakat ke tingkatan yang lain, ia pada saat yang sama memberikan keupayaan kepada masyarakat tersebut untuk bertahan dan menjamin keberterusan peradaban mereka.¹³³

D. AGAMA DAN PERUBAHAN MASYARAKAT

Berlainan dengan para ahli falsafah seperti Ibnu Khaldun, Oswald Spengler dan Arnold Toynbee yang memandang perjalanan peradaban sebagai suatu kepastian seperti yang telah dibahas dalam bab sebelumnya, Malik Bennabi melihat bahawa suatu peradaban yang sedang jatuh dapat dihidupkan dan diselamatkan kembali. Menurutnya, konflik dalaman yang berlaku di antara sebab-sebab kematian dan sebab-sebab kehidupan dalam semua proses biologi, adalah faktor yang menyebabkan sesuatu benda tersebut dapat tumbuh dan kemudian punah. Manakala dalam kemasyarakatan, kepastian yang sedemikian terbatas bahkan terikat dengan syarat-syarat tertentu, kerana arah perkembangan dan kematian suatu masyarakat tertakluk kepada faktor-faktor psikologi dalam masa

¹³³ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 80.

tertentu.¹³⁴ Dengan demikian, suatu masyarakat dalam keadaan tertentu, dapat berusaha mencapai cita-citanya dengan baik atau dapat membangun kembali peradabannya yang sedang jatuh dengan mengambil langkah-langkah perubahan yang asasi.

Dalam konsep Islam, perubahan sosial terjadi berdasarkan atas *Sunnah* (hukum) yang telah ditetapkan Allah S.W.T. dalam dua ayat berikut:

Dalam Surah al-Ra'd Allah S.W.T. menyatakan:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُعَيْرُ مَا يَقُومُ حَتَّىٰ يُعَيِّرُوا مَا يَأْنَسُهُمْ

“Bahaha sesungguhnya Allah S.W.T. tidak akan merubah keadaan suatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri”

Terjemahan Surah: al-Ra'd (13): 11.

Dalam Surah al-Anfal dalam bahasa yang berbeza Allah S.W.T. menyatakan konsep yang sama:

ذَلِكَ يَأْنَ اللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُعَيِّرُوا مَا يَأْنَسُهُمْ وَأَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

“(Balasan) yang demikian itu, ialah kerana sesungguhnya Allah tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dikurniakan-Nya kepada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri (*anfus*). Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Terjemahan Surah: al-Anfal: 8: 53.

Berdasarkan atas kedua-dua ayat tersebut maka Allah tidak mengubah nikmat dan kemuliaan atau penderitaan dan kehinaan suatu bangsa sehingga mereka itu sendiri dapat mengubahkan perasaan mereka, amalan-amalan mereka dan realiti hidup

¹³⁴ Bennabi (1986), *Wijjahah*, h. 28.

mereka. Allah akan mengubah keadaan mereka mengikut perubahan yang berlaku kepada keadaan jiwa dan amalan-amalan mereka. Kehendak dan undang-undang Allah akan berlaku kepada mereka mengikut bagaimana cara mereka melayani undang-undang ini dengan tindak-tanduk mereka. Hal ini merupakan bukti penghormatan Allah kepada manusia, di mana masyiah-Nya telah menetapkan bahawa amalan dan tindakan mereka merupakan alat penguatkuasaan masyiah Allah terhadapnya.¹³⁵ Kedua-dua ayat tersebut, menerangkan tentang kekuatan dan akan budi yang dianugerahkan Allah kepada manusia sehingga manusia dapat bertindak sendiri dan mengendalikan dirinya sendiri di bawah naungan Allah. Manusia berkuasa atas dirinya dalam batas-batas yang ditentukan oleh Allah. Sebab itu maka manusia mesti berusaha sendiri untuk menentukan garis hidupnya, dan tidak boleh hanya dengan menyerah sahaja dengan tidak berikhtiar. Manusia diberi akal oleh Allah dan dengan akalnya itu ia dapat mempertimbangkan di antara yang buruk dengan yang baik dan dapat mencapai kehidupan yang lebih baik dalam batas-batas yang ditentukan oleh Allah.¹³⁶ Oleh kerana itu “kita harus berusaha sendiri merubah nasib kepada yang lebih baik, mempertinggi mutu diri dan mutu amal, melepaskan diri dari perhambaan diri yang selain Allah, dan berusaha mencapai kehidupan yang lebih bahagia dan lebih maju.”¹³⁷ Kedua-dua ayat tersebut di atas dengan jelas menunjukkan bahawa perubahan keadaan luaran dan kualiti kehidupan suatu bangsa (*external change*)

¹³⁵ Sayyid Qutb (2000), *Tafsir Fi Zilalil Qur'an: Dibawah Bayangan al-Quran*, Yusuf Zaky Haji Yacob (terj.), j. 9. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. 335-336.

¹³⁶ Hamka (Haji AbdulMalik AbdulKarim Amrullah) (1985), *Tafsir al-Azhar*, j. 14. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., h. 3741.

¹³⁷ *Ibid.*

merupakan hasil daripada perubahan dalaman (*internal change*) dalam psikologi manusia.¹³⁸

Dalam analisisnya terhadap ayat-ayat tersebut di atas, Malik Bennabi berpendapat bahawa, perubahan individu adalah syarat psikologi bagi setiap perubahan masyarakat. Perubahan-perubahan yang besar dan asasi dalam individu dan dalam sejarah, menurutnya, terjadi ketika adanya pemikiran agama.¹³⁹ Proses perubahan seperti ini menurutnya adalah “suatu proses yang ilmiah dan harus kita lihat sebagai hukum kemanusiaan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. dalam Al-Qur'an dan merupakan salah satu Sunnah Allah S.W.T. bagi perjalanan kehidupan manusia. Oleh yang sedemikian agar supaya perubahan dapat terjadi di sekitar kita, perubahan itu harus terjadi dulu dalam diri kita.”¹⁴⁰

Dengan menggunakan bahasa psikologi sosial, Malik Bennabi menerangkan peranan agama dalam proses perubahan masyarakat melalui perubahan dalam individu. Menurutnya, agama sebagai faktor pembangun individu sangat penting, tidak hanya dalam bentuk asas-asas dan kaedah-kaedah bagi tingkah laku, tetapi ia juga berperanan dalam bentuk pengharaman atau larangan terhadap perkara-perkara yang negatif.¹⁴¹ Unsur agama secara umum masuk secara terus dalam keperibadian yang membentuk diri individu yang sedar dan dalam mengatur kekuatan yang hidup untuk kepentingan diri tersebut.

¹³⁸ Louay Munir Safi (1994), “Patterns of Development: The Muslim Historical Experience”, Kertas Kerja *International Conference on Comprehensive Development of Muslim Countries From an Islamic Perspektive*, dianjurkan oleh IDB, IIUM, IIIT, Subang Jaya, Malaysia :1-3 Ogos 1994, h. 1.

¹³⁹ Bennabi (1987), *Milād*, h. 79-80.

¹⁴⁰ Malik Bennabi (1978), *Daur al-Muslim wa Risālatuhu fī al-Thuluth al-Akhīr min al-Qarn al-Ishrīn*. Damsyik: Dār al-Fikr, h.58.

¹⁴¹ Bennabi (1987), *Milād*, h. 71

Kekuatan yang hidup dan terarah dalam diri individu tersebut dalam kedudukannya sebagai anggota masyarakat berubah kepada aktiviti yang berdimensi kemasyarakatan. Aktiviti-aktiviti individu itulah yang menjadi penyebab lahirnya aktiviti-aktiviti bersama dalam masyarakat luas.¹⁴² Malik Bennabi menyatakan peranan agama dalam perspektif psikologi sosial seperti berikut:

"Faktor agama berperanan dalam pembentukan kekuatan psikologi yang penting bagi seseorang individu dan dalam mengatur kekuatan yang hidup dan diamalkan dalam tingkah laku 'aku' sebagai individu, kemudian dalam mengarahkan kekuatan tersebut sesuai dengan tuntutan aktiviti individu di dalam masyarakat dan yang sesuai dengan aktiviti bersama yang dilakukan suatu masyarakat dalam sejarah."¹⁴³

¹⁴² *Ibid.*, h. 72.

¹⁴³ Bennabi (1987), *Milad*, h. 73.

FASAL II: AGAMA DAN KITARAN SEJARAH PERADABAN

A. KONSEP KITARAN

Malik Bennabi mempelajari dan mengamati sejarah peradaban tidak hanya sebagai rentetan kejadian-kejadian, tetapi sebagai suatu fenomena yang dapat dianalisa untuk mengetahui hukum-hukum Allah S.W.T.. (*sunan Allāh*) yang ada di dalamnya.¹⁴⁴ Menurut Malik Bennabi, hukum-hukum Allah S.W.T. yang mengatur proses perubahan individu dan masyarakat¹⁴⁵ dan yang menentukan kitaran; baik kejatuhan atau pun kebangunan suatu peradaban¹⁴⁶ adalah merupakan hukum-hukum Allah S.W.T. yang tetap dan tidak berubah sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah S.W.T. yang maksudnya: "Sebagai hukum Allah (*Sunnah Allāh*) yang telah berlaku sejak dulu, kamu sekali-kali tiada akan menemukan perubahan bagi hukum Allah itu."¹⁴⁷

¹⁴⁴ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 68.

¹⁴⁵ Seperti yang dinyatakan dalam firman Allah S.W.T. yang maksudnya: "Bahawa sesungguhnya Allah tidak akan merubah keadaan suatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri" Terjemahan Surah: Al-Ra'd (13): 11, Ayat ini banyak dijadikan asas oleh Malik Bennabi untuk menganalisis syarat-syarat proses perubahan masyarakat.

¹⁴⁶ Seperti yang diisyaratkan dalam firman Allah S.W.T. yang maksudnya: "Dan masa (kejayaan dan kehancuran) itu, Kami pergilirkan di antara manusia" Terjemahan Surah: Ali Imran (3): 140. Ayat ini digunakan oleh Malik Bennabi sebagai pendahuluan dalam pembahasannya tentang "fenomena kitaran", sila rujuk Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 25.

¹⁴⁷ Terjemahan Surah: al-Fath (48) : 23. Rujuk Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 48-49.

Dalam konseps Malik Bennabi, setiap hukum (*sunnah*) memberikan satu kepastian, tetapi kepastian suatu hukum tidak mengikat manusia malah memberi ruang bagi manusia untuk lebih berkreatif dan bijaksana. Dalam hal ini Malik Bennabi mengatakan sebagai berikut:

“Setiap hukum memberikan pengertian kepada akal tentang sesuatu yang pasti yang mengikat pergerakannya dalam batasan-batasan hukum tersebut, grativitasi adalah satu hukum selama ia memberikan pengertian kepada akal satu kepastian tentang perjalanan di laut mahupun darat. Manusia tidak dapat melepaskan diri dari kepastian suatu hukum dengan mengetepikan hukumnya, melainkan dengan mendekati dan mengikuti syarat-syarat azali suatu hukum dengan mencipta alat-alat baru yang menjadikannya dapat menyeberangi berbagai benua dan terbang ke atas angkasa. Hukum alam tidak memberikan sesuatu kemustahilan yang mutlak, justeru ia sebagai satu tantangan bagi manusia yang harus mengharuskannya untuk mencari inisiatif dan idea yang baru untuk dapat melepaskan diri dari hukum sebab-akibat yang sempit.”¹⁴⁸

Dengan demikian hukum-hukum yang mengatur proses kitaran peradaban (*sunnah al-tadāwul al-ḥadāri*)¹⁴⁹ mesti dicari dan diketahui dengan mengadakan analisis dan kajian secara mendalam dan ilmiah terhadap sejarah perjalanan manusia dan peradabannya, hal ini sesuai dengan perintah Allah S.W.T. seperti berikut:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ ...

“Katakanlah: mengembaralah kamu sekalian di atas muka bumi dan lihatlah kesudahan orang-orang sebelum kamu”

Terjemahan Surah: al-Rūm (30): 42.

¹⁴⁸ Malik Bennabi (1989), “Mukaddimah” dalam Jaudat Said, *Hattā Yughāyyirū bi Anfusihim*, c. 8. Damsyik: Dār Al-Fikr, h. 10.

¹⁴⁹ Perkataan “*al-tadāwul al-ḥadāri*”(kitaran peradaban) meminjam perkataan al-Qur’ān “*Wa tilka al-ayyām nudāwiluha bayn al-nās*” (Dan masa (kejayaan dan kehancuran) itu, Kami pergilirkannya antara manusia). Terjemahan Surah Ali Imran (3): 140.

Dengan mengetahui hukum-hukum yang mengatur proses perubahan dan kitaran peradaban manusia secara bijaksana akan dapat menghindari sebab-sebab keruntuhan peradaban dan pada saat yang sama ia dapat mengikuti syarat-syarat yang bersifat azali yang dapat membawanya ke arah peradaban yang cemerlang.

Menurut kajian Malik Bennabi, “kalau kita memperhatikan segala sesuatu dari aspek kosmologi, maka kita dapat melihat bahawa peradaban berjalan seperti perjalanan matahari, ia seakan-akan berkitar sekitar bumi timbul di atas horizon suatu bangsa, kemudian berpindah ke atas horizon bangsa lain.”¹⁵⁰ Demikian juga bahawa “sejarah memiliki kitaran dan silsilah, ia kadang merakamkan, untuk suatu bangsa, warisan-warisan yang agung dan karya-karya yang indah, dan kadang ia menyediakan tempat tidur yang nyaman, yang dengannya suatu bangsa terlena dalam tidumnya.”¹⁵¹

Menurut pandangan Malik Bennabi peradaban bergerak “seperti siri angka dalam satuan-satuan yang serupa tetapi tidak sama”¹⁵² dan “setiap kitaran tertakluk kepada syarat-syarat psikologi dalam masa tertentu bagi suatu masyarakat, kemudian ia berhijrah dan berpindah dengan segala nilai-nilainya ke tempat yang lain, dan demikianlah ia terus berpindah-pindah tiada hentinya, guna menyusun kembali dirinya dari unsur-unsur; manusia, tanah dan masa.”¹⁵³

¹⁵⁰ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 55.

¹⁵¹ *Ibid.*, h. 52.

¹⁵² Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 27.

¹⁵³ *Ibid.*

Maka menurut pendapat Malik Bennabi kitaran peradaban (*al-tadāwul al-hadārī*) adalah kitaran dan perpindahannya dari suatu tempat ke tempat yang lain; iaitu dari tempat yang sudah kehabisan dan tidak ada lagi syarat-syarat bagi pertumbuhan dan kehidupan suatu peradaban ke tempat lain yang memiliki syarat-syarat tersebut, untuk memulakan kitarannya yang baru.

B. KONSEP TIGA ALAM: ALAM BENDA, ALAM FIGUR DAN ALAM IDEA

Malik Bennabi membangun teorinya tentang dinamika kitaran sejarah peradaban melalui sebuah konsepsi yang beliau namakan dengan “tiga alam.” Menurutnya individu dan masyarakat berkembang melalui tiga fasa, atau “tiga alam”. Tiga alam ini dilalui secara berkitar; ertinya setelah melalui suatu alam, seorang individu ataupun masyarakat akan bergerak menuju ke alam selanjutnya sesuai dengan hukum pertumbuhan. Tiga alam tersebut ialah: “alam benda” (*‘ālam al-ashyā’*), “alam figure” (*‘ālam al-asykhās*) dan “alam idea” (*‘ālam al-afkār*).

(i) Tiga Alam Dalam Individu.

Menurut Malik Bennabi umur atau kehidupan setiap individu berjalan melalui tiga alam, iaitu; “alam benda” (*‘ālam al-asyyā’*), “alam figure” (*‘ālam al-asykhās*) dan “alam idea” (*‘ālam al-afkār*).

1. Alam Benda (*'ālam al-asyyā'*)

Seorang bayi yang baru dilahirkan, menurut Malik Bennabi, tidak memiliki pandangan yang jelas tentang dunia luar. Dia hanya merasakan adanya alam yang terdiri dari benda-benda; tangan dan jari-jarinya, atau lampu yang terletak di atas tempat tidurnya. Pada fasa ini dia masih tidak dapat melihat "alam figur" dan lebih lagi "alam idea". Dia tidak mengetahui wajah ibunya, melainkan hanya sebagai sebuah putting susu yang memberinya minum, atau sebagai tempat yang dapat membawanya bergerak. Dia sendiri belum dapat memahami dirinya sebagai suatu wujud yang sempurna; kerana dia belum lagi memiliki perasaan tertentu atau kesedaran tentang "ke akuannya".¹⁵⁴

2. Alam Figur (*'ālam al-asykhās*)

Sedikit demi sedikit bayi itu kemudian tumbuh membesar, dia mulai berkenalan dengan "alam figur". Pertama-sekali dia mengenal wajah ibunya, kemudian wajah bapanya, dan wajah saudara-saudaranya. Semua wajah ini membentuk alam figur yang aneh bagi dirinya. Dalam usianya yang ketiga atau keempat tahun, ketika dia dibiarkan bersendirian di halaman rumah dapat dilihat dari wajahnya bagaimana dia bersedih keseorangan ketika dia melihat orang-orang yang tidak mengenali dirinya berlalu-lalang di hadapannya. Dalam usianya yang keenam tahun dia mula memasuki persekolahan. Memasuki alam persekolahan baginya adalah pengalaman yang berat, kerana dia mula mamasuki "alam figur",

¹⁵⁴ Rujuk Bennabi (1988), *al-Afkār* h. 29.

alam manusia-manusia yang masih aneh baginya. Sedikit demi sedikit dia mula berinteraksi dengan mereka, dengan berbuat sesuatu atau memberi balasan kepada perbuatan orang-orang yang ada di sekelilingnya. Perkembangan mental dan perilakunya mula dibentuk oleh norma-norma sosial dan nilai-nilai daripada orang-orang yang berhubungan dan bergaul dengannya. Perkembangan mental dan perilaku antara satu anak dengan anak yang lain terkadang tidak sama, ia tergantung kepada sejauh mana seorang anak dapat berinteraksi dengan masyarakat atau “alam figur” yang ada. Bagi seorang yang bersifat terbuka akan lebih cepat mengenali alam figur dibanding dengan mereka yang tertutup, dan dia dengan demikian akan lebih cepat mengetahui “alam idea”.¹⁵⁵

3. Alam Idea (*'ālam al-afkār*)

Setelah melalui alam benda dan alam figur, maka secara perlahan seorang anak mula matang dan membangun “alam idea”. Alam ini bermula ketika seorang anak mula dapat berfikir dan memahami konsep-konsep yang abstrak. Malik Bennabi memberikan contoh tentang pengalaman anak-anak ketika gagal dalam menyelesaikan suatu masalah, pengalaman yang menurut Malik Bennabi tidak banyak diperhatikan oleh keluarga atau pun sekolah. Menurutnya, bahwa ketika seorang anak tidak berhasil memecahkan suatu masalah dan setelah berkali-kali berusaha, dan masih tidak berhasil, dia kemudian pada suatu hari, dengan tiba-tiba dan dengan sendirinya menemukan jawapannya, akalnya memberi jalan

¹⁵⁵ *Ibid.*, h. 29-30.

penyelesaian.¹⁵⁶ Malik Bennabi menamakan detik di mana anak tersebut menemukan jawapan sebagai ‘detik Archimedes.’¹⁵⁷ “Pada masa itu dia di antara umur tujuh dan lapan tahun; di mana dia mula memijakkan kakinya di “alam idea”, tanpa bergantung pada orang lain.”¹⁵⁸ Berjalan seiring dengan perubahan baik secara psikologi mahumpun fizikal, dia akan menemukan idea-idea dan horizon-horizon pemikiran baru, dan terus melibatkan diri dalam berbagai-bagai permasalahan pemikiran.

Malik Bennabi percaya bahawa idea atau pemikiran berperanan penting dalam pembentukan tingkah laku dan keperibadian individu. Beliau memberikan contoh dari pengalamannya ketika beliau mengajar para pekerja Algeria di Marseilles pada tahun 1938. Dalam masa sembilan bulan mengajar, beliau mendapati beberapa perubahan dalam diri anak didiknya: wajah mereka yang sebelumnya tampak ganas atau buas sedikit demi sedikit berubah menjadi lebih lembut, dan tampak lebih “manusiawi”, dan tampak tumbuhnya idea dalam diri mereka. Demikian juga, mulut mereka yang sebelumnya selalu terbuka sudah tidak lagi demikian. Malik Bennabi juga mengamati perbezaan antara dua beradik dari keluarga yang sama yang memiliki perbezaan raut wajah kerana berbezaan meraka dalam bergaul dengan masyarakat atau kerana yang seorang telah mengalami persekolahan sementara yang lain tidak.¹⁵⁹ Maka, seseorang yang berada dan bergaul dengan alam idea menurut Malik Bennabi akan memiliki tingkah laku dan

¹⁵⁶ *Ibid.*, hlm 31.

¹⁵⁷ Detik di mana Archimedes (287-212 SM) dengan tiba-tiba, ketika ia sedang mandi, menemukan teori Hydrostatics, dan kemudian keluar dari kamar mandinya dengan gembira bersuara “Ewreka! Ewreka! (Saya dapat! Saya dapat!). (Bennabi (1988), *al-Afkār*, h, 61).

¹⁵⁸ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 31.

¹⁵⁹ *Ibid.*, h. 32-33.

keperibadian yang berbeza daripada orang-orang yang belum atau tidak pernah melalui “alam idea”.

Proses masuknya individu ke dalam alam idea terus berlangsung dalam fasa-fasa kehidupan berikutnya; masa kematangan, dan ketuaan, untuk seterusnya, sedikit demi sedikit lepas dari alam tersebut. Dalam masa tua seseorang bergerak ke belakang, meninggalkan ketiga-tiga alam; meninggalkan “alam idea” kerana sudah tidak mampu lagi untuk berkarya; meninggalkan “alam figur” kerana sudah tidak lagi bergaul dan tidak peduli terhadap orang lain; dan meninggalkan “alam benda” kerana sudah lemah dan tidak memerlukannya lagi.¹⁶⁰ Demikianlah, menurut Malik Bennabi berakhirnya kitaran lengkap kehidupan seseorang, yang menurutnya sesuai dengan apa yang telah digambarkan oleh al-Qur'an;

اللهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ
مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْئًا ...

“Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban.”

Terjemahan Surah: Al-Rūm/30: 54.

Dalam konsepsinya tentang tiga alam, Malik Bennabi juga menegaskan bahawa ketiga-tiga alam: alam benda, alam figure, dan alam idea, wujud berdampingan dalam semua kehidupan individu. Kadang-kadang satu alam lebih dominan dari alam-alam yang lainnya, tergantung kepada jenis individu dan keadaan masyarakat. Maka, menurut Malik Bennabi dalam sebuah masyarakat yang alam pemikirannya hanya berkisar sekitar benda, individu akan memiliki

¹⁶⁰ *Ibid.*, h. 34.

sikap yang sama. Beliau memberikan satu contoh; suatu hari beliau bertanya kepada seorang anak di salah satu negara Arab, tentang apa yang “mereka berikan kepadanya” di sekolah, Malik Bennabi dengan sengaja tidak menggunakan kata “memberi”, akan tetapi dengan cepat anak itu menjawab: “mereka memberi saya biskut.” Maka dengan jelas kata “memberi”, bagi anak tersebut, sangat berkaitan dengan alam benda, walaupun perkataan tersebut digunakan di persekitaran sekolah,¹⁶¹

(ii) Tiga Alam Dalam Masyarakat dan Jaringan Kemasyarakatan.

Menurut Malik Bennabi, semua masyarakat seperti halnya kehidupan individu, berkembang melalui “tiga alam” atau “tiga umur”:

1. Pada umurnya yang pertama atau pada masa kekanak-kanakannya, keadaan masyarakat berhubung rapat dengan “alam benda”. Ia membentuk tata cara kehidupan dan semua perundangan berdasarkan pada ukuran-ukuran yang berhubung-kait dengan “alam benda” yang masih sederhana dan primitif.
2. Pada umurnya yang kedua, masyarakat membentuk semua perundangan dan cara hidup sesuai dengan nilai-nilai yang berasal dari “alam figur”. Dalam umur ini masyarakat belum lagi memiliki kebebasan berfikir, kerana pemikirannya masih tergantung dengan figur-figrur yang membentuknya.

¹⁶¹ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 34.

3. Masyarakat kemudian mencapai kematangan pada umurnya yang ketiga, dan berada di "alam idea". Memiliki pemikiran yang bernilai, memiliki kemerdekaan berfikir, tanpa sokongan dari "alam benda" maupun "alam figur".¹⁶² Menurut Malik Bennabi, firman Allah S.W.T.:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَقَ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ

"Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul ..."

Terjemahan Surah: Ali Imrān (3): 144.

Merupakan suatu doktrin yang menyuruh masyarakat Islam untuk keluar dari "alam figur" kepada "alam idea" dan dari zaman "benda" dan "kebendaan" kepada zaman pemikiran.¹⁶³

Malik Bennabi ketika menyamakan pertumbuhan dan perkembangan individu dengan masyarakat tidak bererti beliau berpendapat bahawa suatu masyarakat yang sudah melepassi umurnya yang ketiga secara otomatis akan mengakhiri hayatnya seperti kehidupan individu, kerana menurut Malik Bennabi arah perkembangan dan kematian suatu masyarakat tertakluk kepada faktor-faktor psikologi dalam masa tertentu.¹⁶⁴

Menurut Malik Bennabi perkembangan psikologi dan pemikiran, atau perpindahan suatu masyarakat dari satu fasa kepada fasa yang lain tidak begitu jelas, tidak seperti dalam perkembangan individu. Menururunya, setiap masyarakat, dalam tingkatan apapun kemajuannya, masing-masing memiliki alam kebudayaan

¹⁶² Rujuk Malik Bennabi (1970), *Intâj al-Musytasyrikîn wa Atharuh fî al-Fîkr al-Islâmi al-Hâdiîth*. Kaherah: Maktabah Ammâr, h. 45; selanjutnya ditulis *Intâj al-Musytasyrikîn*.

¹⁶³ Bennabi (1970), *Intâj al-Musytasyrikîn*, h. 46.

¹⁶⁴ Rujuk pendapat ini dalam fasal sebelumnya.

yang kompleks, dan dalam dinamika suatu masyarakat ketiga-tiga alam tersebut; benda, figur dan idea dapat saling berkait.¹⁶⁵ “Namun demikian salah satu daripada ketiga-tiga alam tersebut mesti ada yang lebih dominan daripada alam-alam yang lain.”¹⁶⁶ Dominannya salah satu alam dari ketiga-tiga alam tersebut tampak dalam bentuk perilaku dan cara berfikir suatu masyarakat, dan yang dapat membezakan antara satu masyarakat dengan masyarakat-masyarakat yang lain.¹⁶⁷ Sebagai contoh, menurut Malik Bennabi, masyarakat yang mundur tidak selalunya dinilai kerana tidak memiliki peralatan-peralatan yang berbentuk benda (alam benda) melainkan kerana miskin pemikiran (alam idea). Kemiskinan idea ini ketara khususnya dalam cara mempergunakan alam benda yang berlimpah ruah yang dimiliki. Contohnya, menurut Malik Bennabi, Iraq dan Indonesia, dua negara yang memiliki bumi yang subur tetapi masih sukar untuk ‘berlepas’ dari landasan dan bergerak ke arah kemajuan.¹⁶⁸

Dalam konsepsi Malik Bennabi, “kekayaan suatu masyarakat tidak diukur dengan banyaknya “alam benda” yang dimiliki, tetapi diukur dengan “alam ideanya.”¹⁶⁹ Untuk membuktikan konsepsi ini, Malik Bennabi menjelaskan bahawa banyak bangsa atau masyarakat yang ditimpa malapetaka seperti bencana alam atau perang yang memusnahkan “alam benda” mereka. Namun kerana mereka dapat menyelamatkan “alam idea” mereka, mereka kemudian dapat menyelamatkan dan membangun kembali “alam benda” mereka. Contohnya, menurut Malik Bennabi, negara Jerman dan Rusia, yang telah mengalami

¹⁶⁵ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 36.

¹⁶⁶ *Ibid.*, h. 36.

¹⁶⁷ *Ibid.*

¹⁶⁸ *Ibid.*, h. 36-37.

¹⁶⁹ Bennabi (1987), *Milād*, h. 37. Malik Bennabi (1990), *Fikrah Komonwilth Islāmi*, al-Tayyib a-Syarif (terj.), c. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 53; selanjutnya ditulis *Komonwilth*.

kehancuran selepas Perang Dunia Kedua. Kedua-dua negara tersebut khususnya Jerman, kemudian dengan segera dapat membangun kembali “alam benda”nya kerana masih memiliki “alam idea.”¹⁷⁰ Dalam sejarah Jerman, menurut Malik Bennabi, pererangan tahun 1939 - 1945, telah memusnahkan semua “alam benda” di Jerman; semua kilang, peralatan, bank, dan semua kekayaannya. Secara matematik, Jerman pada tahun 1945 tidak memiliki sesuatu dari alam benda, akan tetapi hanya dengan modal “alam idea” yang masih dimiliki, Jerman dapat bangun kembali dan menjadi negara yang maju dalam masa yang singkat.¹⁷¹

Dalam pandangan sosiologi Malik Bennabi, berdasarkan atas pendapat para sarjana bidang fizik bahawa “satuan-satuan atom tidak dinilai dari banyaknya jumlah, melainkan dari kesesuaian bangunan atau susunannya dengan hukum tertentu.”¹⁷² Maka, Malik Bennabi berpendapat bahawa “suatu masyarakat tidak hanya merupakan jumlah banyaknya individu, melainkan keikutsertaan individu-individu tersebut dalam arah yang sama, untuk melakukan tugas tertentu dan dengan tujuan tertentu.”¹⁷³ Demikian juga “kerja suatu masyarakat tidak hanya merupakan persepakatan secara spontan (tidak dengan sengaja) antara figur, idea dan benda, tetapi merupakan suatu bangunan yang tersusun daripada ketiga-tiga alam tersebut, yang sama-sama bergerak ke arah menghasilkan perubahan kehidupan dan kemajuan masyarakat.”¹⁷⁴ Ketiga-tiga alam masyarakat tersebut; alam benda, alam figur, dan alam idea, menurut Malik Bennabi “tidak bergerak sendiri-sendiri secara terpisah, tetapi bekerja bersama-sama yang lahir dalam

¹⁷⁰ *Ibid.*

¹⁷¹ Bennabi (1990), *Komonwilth*, h. 53.

¹⁷² Bennabi (1987), *Milād*, h. 17.

¹⁷³ *Ibid.*, h. 27.

¹⁷⁴ *Ibid.*

bentuk suatu ideologi dari “alam idea”, dapat diterapkan melalui “alam benda”, untuk tujuan-tujuan yang ditetapkan oleh “alam figur”.¹⁷⁵ Dari sini, Malik Bennabi merumuskan wujudnya dimensi penghubung di dalam dan di antara ketiga-tiga alam dalam masyarakat tersebut, yang beliau namakan sebagai “jaringan perhubungan kemasyarakatan (*syabakah al-‘ilāqāt al-ijtimā’iyyah*)”,¹⁷⁶ seperti yang telah diterangkan dalam fasil sebelumnya.

Menurut Malik Bennabi “Suatu kerja bersejarah tidak akan tercapai kecuali dengan adanya jaringan-jaringan yang penting di dalam ketiga-tiga alam masyarakat tersebut untuk mengikat hubungan di antara masing-masing anggota setiap alam dan di antara ketiga-tiga alam tersebut, guna membentuk landasan umum dan hala tuju kerjasama.”¹⁷⁷ Demikian juga menurutnya bahawa “keaktifan dan keberkesanan “idea” bergantung pada jaringan-jaringan perhubungan, ertinya kita tidak dapat membayangkan suatu kerja yang dilakukan bersama antara “figur”, “idea” dan “benda” tanpa dengan adanya jaringan-jaringan perhubungan. Sekiranya jaringan perhubungan itu kuat maka kerja akan lebih bertenaga dan berkesan.”¹⁷⁸ “Kalau kekayaan suatu masyarakat bergantung pada banyaknya alam idea yang dimiliki dalam satu sisi, maka sebenarnya ia [kekayaan masyarakat tersebut] pada sisi lain berhubung-kait erat dengan jaringan-jaringan kerjasama mereka.”¹⁷⁹ Untuk membuktikan bahawa “kekayaan idea sahaja tidak cukup”¹⁸⁰ tanpa dengan adanya jaringan-jaringan kerjasama dalam masyarakat, Malik

¹⁷⁵ *Ibid.*

¹⁷⁶ *Ibid.*

¹⁷⁷ *Ibid.*

¹⁷⁸ *Ibid.*, h. 38.

¹⁷⁹ *Ibid.*

¹⁸⁰ *Ibid.*, h. 37.

Bennabi memberikan contoh fenomena dalam sejarah Islam seperti yang beliau katakan berikut:

“Ketika masyarakat ini mula memasuki sejarah pada abad ke tujuh “alam idea mereka” masih berbentuk janin dan tidak jelas jika dibandingkan dengan masyarakat-masyarakat maju yang [kemudian] mereka kalahkan dan kuasai, seperti masyarakat Mesir, Parsi dan Syam. Kemudian jika kita lihat masyarakat ini [Islam], enam abad setelahnya, di mana mereka telah mengalami kemunduran dan kejatuhan, kita dapatilah mereka memiliki perpustakan-perpustakaan yang terkaya di dunia..Mereka jatuh di tangan bangsa-bangsa yang baru muncul, seperti orang Spanyol yang masa itu “alam idea mereka” masih miskin. Demikianlah tampak pada kita bahawa-bahawa perpustakaan-perpustakaan [sahaja] tidak dapat menyelamatkan [mereka] dari kekalahan.”¹⁸¹

Malik Bennabi seterusnya berpendapat bahawa, usaha ke arah perubahan sosial, mestilah dengan mengubah individu dari status dirinya sebagai “individu” kepada “figur” dan dengan mengubah sifat-sifat individu kepada sifat-sifat kemasyarakatan, serta dengan menciptakan jaringan-jaringan yang menghubungkan di antara alam figur dengan “idea” dan “benda” bagi mewujudkan aktiviti-aktiviti bersama dalam masyarakat.¹⁸²

C. AGAMA DALAM KITARAN SEJARAH PERADABAN

Menurut Malik Bennabi dinamika kitaran sejarah peradaban adalah merupakan proses hubungan biologis antara individu-individu dalam masyarakat dan pemikiran agama dalam masa tertentu.¹⁸³ Berdasarkan atas konsepsi ini dan dengan konsepsinya tentang tiga alam Malik Bennabi membahagikan sejarah

¹⁸¹ *Ibid.*, h. 37-38.

¹⁸² *Ibid.*, h. 30.

¹⁸³ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 74.

perkembangan masyarakat, ditinjau dari dinamika peradabannya, kepada tiga fasa iaitu; fasa pra-peradaban (*marhalah mā qabla al-hadārah*); fasa peradaban (*marhalah al-hadārah*); dan fasa pasca-peradaban (*marhalah mā ba'da al-hadārah*):

(i) FASA PRA-PERADABAN

Fasa pra-peradaban (*marhalah mā qabla al-hadārah*) adalah fasa di mana umur masyarakat seperti umur anak-anak. Dalam masyarakat fasa ini “alam benda” masih sederhana dan masih primitif, seperti: parang, pedang, tombak, anak panah dan busurnya, unta, kuda, gubuk, dan alat-alat dapur yang sederhana, sesuai dengan kehidupan badwi.¹⁸⁴ Menurut Malik Bennabi, masyarakat dalam fasa ini adalah masyarakat “fitrah” dan “alami” (*L'homonatuna*) yang tunduk kepada instink-instink (kecenderungan-kecenderungan) semulajadi.¹⁸⁵ Menurut Malik Bennabi contoh yang sesuai dengan masyarakat dalam fasa ini adalah masyarakat Arab Jahiliah. Menurutnya “mereka adalah masyarakat daripada sebuah kabilah yang kecil, hidup di semenanjung jazirah Arab, dalam alam budaya yang terbatas, di mana kepercayaan-kepercayaan mereka juga hanya berkisar sekitar benda-benda yang mati; iaitu berhala-berhala Jahiliah.”¹⁸⁶ ““Alam figur” dalam masyarakat Jahiliah hanya terbatas kepada besarnya kabilah, sedangkan “alam idea” mereka –seperti yang digambarkan dalam syair-syair mereka yang terkenal dengan *al-mu'allaqāt* secara umum seperti “alam figur” mereka yang terbatas, iaitu terbatas pada untaian-untaian yang memuji kabilah mereka, atau kemenangan

¹⁸⁴ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 39.

¹⁸⁵ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 75

¹⁸⁶ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 38.

kabilah mereka dalam suatu peperangan, yang dicatat oleh sejarah dengan nama “*ayyām al-Arāb*” (hari-hari Arab), atau nyanyian-nyanyian untuk kekasih, atau tangisan-tangisan kerana kesedihan.”¹⁸⁷ Demikianlah wajah masyarakat Jahiliah saat itu, mereka tertutup dan tidak begitu dikenali, hidup sebagai masyarakat kecil yang dikelilingi oleh bangsa-bangsa besar seperti; empayar Byzantine, Parsi, dan kerajaan Habsah.

(ii) FASA PERADABAN

Malik Bennabi membahagikan masyarakat fasa peradaban (*marḥalah al-hadārah*) ke dalam tiga fasa, iaitu; fasa roh (*al-rūh*), fasa akal (*al-‘aql*), dan fasa instink (*al-gharīzah*):

1. Fasa Roh (*al-Rūh*)

Fasa ini dinamakan juga oleh Malik Bennabi sebagai fasa “kebangkitan” (*al-nahdah*), ia dimulai dengan masuknya suatu masyarakat ke dalam “alam idea”, iaitu pemikiran agama. Dalam sejarah peradaban Islam, fasa ini lahir besamaan dengan munculnya “idea”; risalah Islam di gua Hira yang dimulakan dengan kata-kata “*iqra’*”. Menurut Malik Bennabi “kata-kata ini, merobek kegelapan Jahiliah, dan menghancurkan keterpencilan masyarakat Jahiliah. Maka lahirlah masyarakat baru yang berinteraksi dengan alam dan sejarah, masyarakat yang menghancurkan

¹⁸⁷ *Ibid.*, h. 39.

batasan-batasan kabilah untuk membangun alamnya yang baru dengan “figur-fir” yang masing-masing memikul risalahnya, dan untuk membangun budaya yang baru, di mana alam benda berpaksikan pada “alam idea.”¹⁸⁸

Menurut Bennabi, seperti yang telah diungkapkan di atas, masyarakat praperadaban, seperti orang-orang dalam masyarakat Jahiliah, adalah masyarakat “fitrah” kerana orang-orangnya adalah dalam keadaan fitrah, dan tunduk kepada instink-instink semulajadi. Sehingga ketika mereka berinteraksi dengan “idea” atau agama, instink-instink mereka dengan mudah dapat dikuasai oleh idea atau pemikiran agama tersebut. Proses inilah yang dinamakan oleh Malik Bennabi sebagai proses “penyesuaian” (*conditionnement*) atau dalam istilah psikologi Sigmund Frued (1856-1939) sebagai proses “pengendalian” (*refoulement*). Dalam proses ini idea atau pemikiran keagamaan tidak menghancurkan instink-isntink yang dimiliki manusia, tetapi ia bertindak mengatur dan mengarahkan instink-instink tersebut ke arah tugas-tugas yang berhubung-kait dengan keperluan-keperluan pemikiran keagamaan. Yang dengan demikian, sifat-sifat kehaiwanan yang ada dalam instink-instink manusia tidak hilang tetapi ianya “terkendalikan” sehingga menjadi berdisiplin dan dapat mengikut hukum-hukum atau peraturan-peratuan tertentu.¹⁸⁹ “Dalam keadaan yang sedemikian, seseorang menjadi bebas daripada hukum semulajadi yang ada pada dirinya, dan wujudnya secara menyeluruh tunduk kepada tuntutan-tuntutan rohani yang diciptakan oleh

¹⁸⁸ *Ibid.*, h. 39-40.

¹⁸⁹ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 75.

pemikiran keagamaan yang ada pada dirinya, di mana, di dalam keadaan yang baru itu, ia melaksanakan kehidupannya berdasarkan kepada hukum roh.”¹⁹⁰

Dalam pandangan Malik Bennabi “hukum roh inilah yang menguasai Bilal¹⁹¹ ketika beliau disiksa. Beliau tidak henti-hentinya mengucapkan kata-kata “*ahad..ahad* (Tuhan Yang Maha Esa..Tuhan Yang Maha Esa)”. Kata-kata ini bukanlah kata-kata instink. Suara instink saat itu telah membisu, tapi ianya tidak mungkin hilang kerana siksaan. Sebagaimana ia juga bukan suara akal, kerana kesakitan tidak dapat lagi memikirkan sesuatu. Ia adalah jeritan roh yang menggantikan instink, setelah akidah menguasai instink tersebut dalam kepribadian Bilal bin Rabah.”¹⁹² “Ia adalah roh dalam suara Bilal, yang berbicara dan mencabar darah dan daging. Bilal seakan-akan, dengan keadaannya yang tenang, mencabar tabiat kemanusian, dan dalam saat tertentu mengangkat perjalanan agama yang baru.”¹⁹³ “Suara roh tersebut adalah juga suara “seorang perempuan yang telah berzina, yang kemudian datang menjumpai Rasul s.a.w. untuk melaporkan kesalahannya, dan meminta daripada Rasul s.a.w. untuk menghukumnya.”¹⁹⁴ Semua peristiwa tersebut, menurut Malik Bennabi adalah persitiwa-peristiwa di luar ukuran tabiat manusia, dan menunjukkan bahawa instink telah tunduk di hadapan kekuatan agama, dan instink pada saat itu tidak

¹⁹⁰ *Ibid.*

¹⁹¹ Bilal bin Rabah (Ibnu Hamnah), sahabat Nabi yang terkenal sebagai tukang azan, berasal dari bangsa Habsyi yang berkulit hitam, dilahirkan di Makkah dan menjadi hamba kepada suku Jamah dan tuannya bernama Umayyah bin Khalaf. Beliau adalah pengantur Islam yang awal dan orang dewasa yang kedua selepas Abu Bakar mermeluk Islam, kerana masuk Islam beliau telah disiksa terutamanya oleh tuannya, tetapi beliau bersabar menanggung segala penderitaan. Akhirnya dibeli dan dibebaskan oleh Abu Bakar. Beliau berhijrah ke Madinah dan turut berperang bersama Nabi. Pada masa kekhilafahan Abu Bakar beliau menyertai ekspedisi di Syria dan tinggal di sana hingga akhir hayatnya, dan meninggal pada masa pemerintahan Umar Bin Khattab. (Mahyudin (1987), op.cit., j.1, hl. 205-206).

¹⁹² Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 75.

¹⁹³ *Ibid.*, h. 76.

¹⁹⁴ *Ibid.*

hilang, ia masih ada, namun semua kecenderungan dan kebebasanya dapat disimpan dan dikendalikan.

Demikian juga keadaan anggota masyarakat secara umum (masyarakat Islam pada fasa itu), mereka seperti juga keadaan Bilal atau perempuan yang datang kepada Rasul s.a.w. tersebut; dikendalikan oleh hukum roh. Mereka tidak berbicara dengan bahasa instink, dan tidak juga dengan suara akal, kerana akal belum lagi dapat berbicara dalam masyarakat yang baru lahir. Masyarakat dalam fasa ini hanya menggunakan bahasa roh. "Ia merupakan fasa peradaban yang dihiasi oleh bentuk-bentuk kehidupan rohani yang indah, di mana Rasulullah s.a.w., baik dalam kehidupan peribadi maupun keluarga, menjadi contoh teladan. Fasa yang juga diwarnai dengan perjuangan yang tidak kenal lelah oleh para Shahabat beliau –seperti Abu Bakar dan Uthman- yang telah berkorban demi kepentingan Islam dan masyarakat Islam."¹⁹⁵ Fasa di mana "Alam figur" terbentuk dalam model yang sebenar, yang wujud dalam bentuk orang-orang Ansar dan Muhibirun yang saling bersaudara di Madinah."¹⁹⁶

Malik Bennabi juga melihat fenomena yang mendorong lahirnya kekuatan masyarakat Islam pada fasa itu untuk melawan, dalam "perang riddah"¹⁹⁷,

¹⁹⁵ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 45.

¹⁹⁶ *Ibid.*, h. 40.

¹⁹⁷ Perang *al-Riddah* adalah perang yang dilancarkan oleh orang-orang Islam pada awal pemerintahan Khalifah Abu Bakar Al-Siddiq terhadap kaum murtad (*ahl al-riddah*), mereka adalah orang-orang yang keluar dari agama Islam selepas kewafatan Rasulullah S.a.w., mereka kebanyakannya terdiri dari suku-suku Asad, Tayyi', Ghatafan, Fazarah dan Tamim, dan yang paling besar adalah dari suku Hanifah diketuai oleh Musaylamah al-Kadhdhab yang berpusat di Yamamah. Tindakan memerangi *ahl al-riddah* ini mendapat tantangan dari setengah golongan sahabat, termasuk Sayidina Umar sendiri, tetapi Abu Bakar tetap dengan pendiriannya, kerana menurut Islam bahawa setiap musuh yang cuba mencerobohi kesucian agama dan kaum murtad yang keluar dari Islam wajib diperangi sehingga mereka kembali kepada Islam atau bertaubat. Khalifah Abu Bakar menghantar tentera-tentera dengan panglima-panglimanya masing-masing ke

beberapa orang yang membuat “bid’ah”, yang mencuba membatalkan hak zakat orang-orang fakir miskin setelah wafatnya Rasulullah s.a.w.. Menurut Malik Bennabi masyarakat Islam pada saat itu “tidak mungkin dapat menghadapi ancaman tersebut kalau tidak kerana memiliki kehendak yang masih segar; yakni suatu “tegangan” (*tawattur*) dalaman yang berasal dari ilham al-Qur'an dan ajaran-ajaran Rasulullah s.a.w.. “Tegangan” inilah yang memberi ciri-ciri khas sebuah masyarakat ketika dalam masa-masa kebangkitan peradabannya; ciri-ciri yang membezakannya dari masyarakat-masyarakat lain; dari masyarakat pra-peradaban, dan pasca-peradaban, atau dari masyarakat yang masih dalam fasa peradaban.”¹⁹⁸ Menurut Malik Bennabi juga bahawa ““tegangan” semacam inilah, yang dalam abad kita, dapat membawa Soviet Union untuk berlepas landas, dengan percubaan “stakkanovisme”.¹⁹⁹ “Tegangan” yang juga membawa Republik Rakyat Cina bangkit khusunya sejak revolusi kebudayaan.²⁰⁰ ““Tegangan”, merupakan pemikiran atau idea pendorong, yang tidak dapat digambarkan melalui teori ataupun petunjuk pengajaran.”²⁰¹

daerah-daerah tertentu untuk menghapuskan tentera al-Riddah. Di antara peperangan yang paling hebat berlaku di Aqraba' (12/633) iaitu di antara tentera Khalid bin Walid dengan tentera Musaylamah. Dalam peperangan ini Khalid bin Walid mencapai kejayaan. (Rujuk Mahyudin (1986), *op.cit.*, j.1, h. 66-67).

¹⁹⁸ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 45.

¹⁹⁹ Stakkanovisme adalah suatu projek, dilahirkan pada tahun 1935, bertujuan untuk menambah produksi melalui menggunakan pengalaman pekerja dan pandangan secara rasional terhadap alat-alat produksi dan penguasaan terhadap teknik yang baru. Ia dilaksanakan pertama-tama dalam pengeluaran arang, seterusnya dalam bidang angkutan dan pertanian dan bidang-bidang yang lain (Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 45).

²⁰⁰ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 45-46.

²⁰¹ *Ibid.*, h. 46.

2. Fasa Akal

Fasa akal (*al-'aqib*) disebut juga oleh Malik Bennabi sebagai fasa kemuncak (*awj*) atau fasa tersebar dan meluasnya peradaban, ia adalah fasa yang terletak di antara fasa roh, yang merupakan fasa kebangkitan (*al-nahdah*) dan fasa instink, yang merupakan fasa kejatuhan (*ufūl*).²⁰² Fasa akal, menurut Malik Bennabi, terjadi ketika roh melemah dan akal menguat. Roh tidak lagi mampu menguasai instink secara berkesan, dalam masa yang sama akal juga tidak dapat mengontrol sepenuhnya kekuatan instink, sehingga sedikit demi sedikit instink mendapatkan kemerdekaannya.²⁰³ “Adalah hal yang semulajadi, bahawa instink tidak dapat sekaligus, dalam satu masa, menjadi bebas, ia bebas sesuai dengan kadar mlemahnya kekuatan roh.”²⁰⁴

Malik Bennabi kemudian menggunakan konsepsinya tentang mekanisme hubungan antara roh dan instink tersebut dalam sejarah perkembangan individu dan masyarakat sebagaimana berikut:

“Dan ketika sejarah terus bergerak, kita dapati perkembangan ini[proses hubungan antara roh dan instink] terus berlangsung dalam psikologi individu dan bangunan akhlak masyarakat, yang menghalang proses perbaikan perilaku individu. Sebesar mana kadar kebebasan instink dalam masyarakat, sebesar itu ia membebaskan moral dalam perilaku-perilaku individu. Pada masa itu, kalau kita dapat, dengan cara yang cermat, memperhatikan keadaan-keadaan psikologi ini, untuk mengetahui hasil-hasil dari proses tarik-menarik [antara roh dan instink] tersebut –menggunakan alat-alat seperti yang digunakan dalam makmal-makmal kimia- niscaya kita akan dapat menemukan terjadinya penurunan dalam akhlak masyarakat. Atau kita akan jumpai hasil yang menunjukkan kurangnya atau

²⁰² Rujuk Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 73.

²⁰³ *Ibid.*, h. 76.

²⁰⁴ *Ibid.*

melemahnya pemikiran keagamaan dalam dinamika masyarakat, dan pemikiran agama ini terus melemah sejak suatu peradaban memasuki fasa akal.”²⁰⁵

Dari konsepinya tentang mekanisme hubungan antara roh dan instink tersebut, Malik Bennabi kemudian menyimpulkan bahawa: “Kemuncak suatu peradaban – yang saya maksudkan adalah pesatnya ilmu pengetahuan dan teknologi- sesuai dengan teori Etiology (ilmu sebab-musabab), tidak lain adalah bermulanya penyakit sosial tertentu.”²⁰⁶

Fasa Akal dalam sejarah peradaban Islam, menurut Malik Bennabi, bermula sejak terjadinya peristiwa perang Siffin²⁰⁷ pada tahun 37 Hijrah atau tahun 657 Masihi. Malik Bennabi menilai peristiwa Siffin sebagai awal timbulnya pertengangan antara “semangat Jahiliah” dan “roh al-Qur'an”. Dalam hal ini Malik Bennabi mengatakan: “begitu cepat selepas kelahirannya, (masyarakat Islam saat itu) telahpun mengandungi kontradiksi dalaman: semangat Jahiliah menentang roh al-Qur'an. Disusul dengan datangnya Muawiyah (r.a.) yang menghancurkan bangunan yang telah ditubuhkan”.²⁰⁸ Menurut Malik Bennabi “peristiwa Siffin telah pun menghancurkan persatuan yang terbangun sejak masa Badar, dan kejatuhan aspek akidah ini, juga kemudian membawa kepada natijah yang menyedihkan dalam lapangan politik, sesuai dengan firman Allah S.W.T.:

²⁰⁵ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 76-77.

²⁰⁶ *Ibid.*, h. 77.

²⁰⁷ Siffin, nama tempat yang terletak di tebing barat sungai al-Furat, iaitu di sebelah barat Raqqah, ia menjadi masyhur kerana berlakunya perang saudara antara Ali bin Abi Talib r.a. dan Muawiyah bin Abi Sufyan r.a. di situ pada tahun 37 H/ 657 M. (Mahyudin (1987), *op.cit.*, j. 5. h. 1417).

²⁰⁸ Bennabi (1986), *Wijhah*. h. 29.

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَقْتَلُوْا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ
وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

“Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.”²⁰⁹

Terjemahan Surah: al-Anfāl (8): 46.

Menurut Malik Bennabi, dunia Islam atau peradaban Islam setelah krisis pertamanya di Siffin hanya dapat bertahan dengan “sisa-sisa kekuatan al-Qur'an yang masih hidup”, yang ada dalam jiwa orang-orang seperti Uqbah,²¹⁰ Umar ibn Abd al-Aziz,²¹¹ dan Imam Malik.²¹² Bukan disebabkan Uqbah seorang pahlawan, Umar seorang raja yang besar dan Imam Malik ketua Mazhab perundangan; akan tetapi kerana nilai-nilai Islam yang fitrah dan agung dapat bersatu dalam diri mereka.²¹³ Uqbah yang berdiri di bakal ibu negeri Fatimiyyah, bergerak bersama tentara Islam ke arah Afrika Utara, dan yang baru sahaja memeluk anak-anaknya pada kali yang terakhir, berseru; “Ya Allah terimalah amalku dan jadikanlah aku termasuk hamba-hamba Engkau yang salih.” Umar ibn Abd al-Aziz, yang mendapati tidak adil baginya untuk terus berkuasa sedangkan kuasa itu sepatutnya menjadi hak keturunan Ali bin Abi Talib, dia lebih suka menolak kuasa itu. Imam

²⁰⁹ Malik Bennabi (1988), *al-Sirā' al-Fikrī fī al-Bilād al-Mustā'marah*. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 41; selanjutnya ditulis *al-Sirā'*.

²¹⁰ Uqbah ibn Nafī' (621 H/ 683 M), seorang pemimpin perang, menakluk Mesir, memerintah Afrika Utara pada tahun 662 M, Mendirikan kota Qairuwan dan membangun masjid kota itu, berhasil menyebarkan Islam dan menyatukan orang-orang Barbar di Morocco kedalam masyarakat Arab Islam, tentara yang dibangun oleh Uqbah adalah kader-kader tentara Islam yang kemudian menaklukkan Andalusia. Beliau dilucutkan dari jawatannya oleh Muawiyah pada tahun 675 M. (Rujuk al-Khatib, *Falsafah al-Hadārah*, h. 102).

²¹¹ Umar ibn Abd al-Aziz (62 H – 101 H/ 621 M-683 M) Salah seorang khalifah bani Umayyah, yang adil dan bijaksana, dan yang mengikuti jejak langkah para *al-Khulafā' al-Rāshidūn*.

²¹² Malik ibn Anas (95H – 179H / 713M – 795M), seorang alim, mujtahid, dan ahli fiqah, berasal dari Madinah. Mazhabnya disebut dengan Mazhab Maliki yang banyak tersebar di Madinah, Hijaz, Maghribi, Andalusia, Mauritanica dan Nigeria.

²¹³ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 30.

Malik, dia yang menyerahkan dirinya di medan Madinah disebabkan oleh kuasa yang menekan dan yang tidak menyetujui pendapatnya. Inilah nilai-nilai yang mulia –benci terhadap keagungan, enggan menerima kuasa yang bukan haknya, dan menentang kezaliman- nilai-nilai yang masih kekal yang ditinggalkan oleh al-Qur'an, dan yang masih kekal dalam dunia Islam saat itu.²¹⁴

Menurut Malik Bennabi, sejak peristiwa Siffin, yang menurutnya merupakan konflik antara orang-orang yang berpegang teguh dengan roh al-Qur'an dan orang-orang yang diperhambakan oleh semangat Jahiliah, dunia Islam atau sejarah peradaban Islam telah kehilangan keseimbangannya yang pertama, walaupun masih adanya individu-individu Muslim yang masih tetap berpegang teguh pada akidahnya, seperti tokoh-tokoh di atas. Hanya sahaja Malik Bennabi tetap mengakui pencapaian-pencapaian agung yang pernah dicapai dalam sejarah Islam selepas peristiwa Siffin tersebut dalam kata-katanya:

"Kita berhutang kepada 'peradaban yang menyeleweng' tersebut, yang berkembang di Damsyik di bawah dinasti Bani Umayyah, dengan penemuan sistem desimal, penerapan kaedah eksperimen khususnya dalam bidang perubatan dan pengenalan konsep masa dalam matematik, yang kesemuanya adalah merupakan petunjuk-petunjuk pertama dalam metode pemikiran teknikal. Mungkin juga, sehingga ke hari ini akan didapati bahawa 'buah epal Newton' – yang mendedahkan ahli astronomi ini menjadi begitu terkenal, mendapat perhatian dunia- ada sedikit sebanyaknya mempunyai hubungan dengan karya adik-beradik Ibn Musa."²¹⁵⁺²¹⁶

²¹⁴ *Ibid.*

²¹⁵ Tiga adik beradik yang bekerja dalam ilmu pengetahuan pada masa al-Makmun hingga pada masa al-Mutawakkil, mereka adalah Muhammad Ibnu Musa pakar dalam bidang Matematik dan ilmu Falak, Ahmad Ibnu Musa pakar dalam bidang ilmu Mekanikal dan Khasan Ibnu Musa dalam bidang Geometri.

²¹⁶ Bennabi (1986), *Wijayah*, h. 29.

Di tempat lain Malik Bennabi mengatakan:

“Pada masa itu ilmu pengetahuan mula tersebar melalui cendikiawan-cendekiawan yang namanya bersinar dalam ilmu pengetahuan, seperti al- Farabi,²¹⁷ Ibnu Sina,²¹⁸ Abu al-Wafa²¹⁹ dan Ibnu Rusyd²²⁰ sehingga pada masa Ibnu Khaldun, yang intelektualnya menyinari peradaban Islam yang sedang jatuh.”²²¹

Malik Bennabi kemudian berpendapat bahawa “Bagaimanapun, dari segi pandangan bio-sejarah yang menjadi perhatian kita, peradaban yang amat cemerlang ini tidak lain hanya merupakan satu potret yang ‘terkaburkan’ dari bangunannya yang asal, yang dinaungi oleh al-Qur'an.”²²² Hal ini menurut Malik Bennabi bahawa kerana “teknik, sains dan akal semata-mata tidak mampu membangun dan menjaga sistem sosial, dan kerana roh sahaja yang dapat menyebabkan kemanusiaan tumbuh subur. Maka ketika roh hilang terjadilah kejatuhan dan kemunduran, kerana setiap sesuatu yang kehilangan tenaga untuk naik, akan jatuh ditarik oleh kuasa bumi yang tidak dapat dielakkan.”²²³

Pandangan Malik Bennabi terhadap peristiwa Siffin tampak terlalu negatif dan bahasa yang digunakan dalam menggambarkan peristiwa itu juga terlalu

²¹⁷ Abu Nasr Muhammad al-Farabi (meninggal pada tahun 950), salah seorang ahli falsafah yang agung, dikenali sebagai “guru kedua” setelah Aristotle (384-322 SM), di antara karya-karyanya yang terkenal ialah: *al-Jam'u Bayn Ra'yī al-Hakimayn*, *al-Tauṭī'ah fī al-Mantiq*, *al-Siyāsah al-Madaniyyah*, *Ārā' ahl al-Madinah al-Fāḍilah*, *Kiāb al-Musiqā al-Kabīr*, dan *Iḥsās al-'Ulūm*.

²¹⁸ Ibnu Sina atau al-Syaikh al-Rā'i's ibnu Sina (980-1037), di Barat beliau dikenal dengan nama Avicenna, beliau adalah salah satu ahli falsafah besar Islam, di antara karya-karyanya adalah: *al-Qānūn fī al-Tibb*, *al-Siyfā'*, *al-Isyārāt wa al-Tanbihāt* dan *al-Najāt*.

²¹⁹ Abu al-Wafa' (940-997), seorang ahli matematik Arab yang ulung.

²²⁰ Abū al-Walid Muhammad Ibnu Ahmad Ibnu Rusyd (1126-1198), seorang ahli falsafah Islam terkenal, lahir di Qurdoba dan meninggal di Marrakesh, di Barat beliau dikenal dengan nama Averroes dan dianggap sebagai “pensyarah”, kerana telah menerangkan karaya-karya Aristotle (384-322 SM) dengan baik, beliau mahir dalam fiqh, teologi, syair, kedokteran, ilmu falak, matematik dan falsafah, belia merupakan salah seorang ahli falsafah Islam yang berusaha menjambatani (*tawfiq*) antara Syariah dan Falsafah di dalam karyanya “*Fasl al-Maqāl fīmā bayn al-Syarī'ah wal-Hikmah min al-Ittiṣā'*” dan berusaha mempertahankan falsafah dari kritik Imam al-Ghazzali dengan karyanya “*Tahāfūt al-Tahāfūt*”.

²²¹ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 59.

²²² Bennabi (1986), *Wijjhah*, h. 30.

²²³ *Ibid.*, h. 31.

berlebihan. Peristiwa Siffin yang merupakan pertikaian antara kelompok Ali bin Abi Talib dan kelompok Mu'awiyah bin Abi Sufyan perlu dinilai dalam kerangka perbezaan ijtihad dan perbezaan pendapat dalam masalah politik. Kedua-dua kelompok beranggapan berada pada posisi yang benar; demi mempertahankan Islam. Ali bin Abi Talib dan pendukungnya yang di antaranya adalah Abdullah bin Abbas dan Abu Musa al-As'ari, beranggapan bahawa mereka mempertahankan hak kekhilafahan dan menjalankan kewajipan sebagai penguasa untuk mengatur keamanan, sementara pihak Mu'awiyah dan pendukungnya termasuk Amr bin As berpendapat perlunya menuntut bela dengan segera atas kematian Khalifah Usman bin Affan (r.a.), dan tidak membiarkan pemberontak yang telah menyebabkan kematian Khalifah Usman berleluasa dan melakukan kejahanatan. Kedua-dua kelompok bergerak dan berperang di Siffin atas dasar ijtihad mereka masing-masing. Mereka yang terlibat dalam pertikaian di Siffin adalah para sahabat dan para tokoh Islam yang memiliki akidah, Nabi dan kiblat yang sama. Oleh itu peristiwa Siffin perlu dilihat secara positif dan dipandang sebagai taqdir yang mengandungi hikmah-hikmah tertentu bagi perjalanan sejarah peradaban umat Islam, dan bukannya dilihat sebagai perlawanan antara "semangat Jahiliah" dan "semangat al-Qur'an", seperti apa yang dikatakan oleh Malik Bennabi. Hanya sahaja memang tidak dapat dinafikan bahawa peristiwa Siffin telah memberi pengaruh yang sangat negatif dalam sejarah "syura" dan institusinya. Peristiwa Siffin yang kemudian mendorong Umayyah memegang jawatan kekhilafahan telah membunuh sistem syura yang telah dibangun sejak khalifah yang pertama, dengan mengangkat putranya Yazid sebagai pewaris tahta.

3. Fasa Instink.

Dalam dinamika sejarah peradaban, fasa instink (*al-gharizah*) menurut Malik Bennabi adalah fasa kejatuhan (*ufūl*) yang merupakan keterbalikan dari fasa roh. Fasa instink menurut Malik Bennabi adalah fasa di mana instink manusia betul-betul mendapat kebebasannya, bebas dari kendalian roh dan kemudian dari kendalian akal, dan pada saat yang sama adalah masa di mana pemikiran agama tidak mampu lagi berperanan dalam masyarakat. Masyarakat, dengan demikian, pada saat itu telah memasuki bahagian malam sejarah dan penghujung kitaran peradaban.²²⁴

Fasa instink dalam sejarah peradaban Islam, menurut Malik Bennabi bermula sejak kejatuhan dinasti Muwahhidun.²²⁵ Malik Bennabi menilai bahawa

²²⁴ Rujuk Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 76.

²²⁵ Dinasti Muwahhidun (Mohad) adalah dinasti Islam yang pernah berjaya di Afrika Utara dan Andalusia selama lebih dari satu abad, iaitu dari tahun 515 H/ 1121M- 667 H/ 1269 M; diasaskan oleh Muhammad bin Tumart (1080-1130) pada tahun 1114. Setelah Ibnu Tumart wafat, Abdul Mu'min bin Ali (1130-1163) dibaiat sebagai pemimpin Muwahhidun, pada masa pemerintahannya, pada tahun 1145 Muwahhidun dapat merebut kota Fez dari kuasa dinasti al-Murabitūn (1056 – 1147) dan setahun kemudian Muwahhidun dapat menguasai ibu kota Marrakesh dan menjatuhkan dinasti al-Murabitūn. Pada masa pemerintahan Abu Ya'kub Yusuf (1163-1184), pada tahun 1169 Muwahhidun dapat merebut kota Toledo, dan pada tahun 1184M berhasil menguasai wilayah Syantrin di sebelah barat Andalusia dan menghancurkan tentara Kristian di daerah Lisbon (ibu kota Portugal sekarang). Abu Ya'kub Yusuf digantikan oleh anaknya Abu Yusuf ya'kub al-Mansur (1184 – 1198) dan pada masa pemerintahannya Muwahhidun dapat mengalahkan pemberontakan orang-orang Kristian yang memaksa Raja Alfonso berlutut dengan menerima konsesi-konsesi terhadap dinasti Muwahhidun. Pada akhir pemerintahan Abu Yusuf ya'kub al-Mansur kerajaan Muwahhidun sudah mula banyak mendapat tekanan berupa pemberontakan-pemberontakan baik dari orang Islam sendiri maupun dari orang-orang Kristian. Ketika al-Mansur meninggal, beliau digantikan anaknya Muhammad al-Nasir yang baru berumur tujuh belas tahun, dan bermulanya konflik dalaman dan perpecahan di kalangan pemimpin ditambah dengan kekalahan-kekalahan dalam banyak peperangan baik dengan orang Islam maupun Kristian, maka dinasti Muwahhidun berakhiri bersama dengan berakhirknya kuasa Abu Ula Idris al-Wasiq pada tahun 667 H/ 1269 M. Pada zaman dinasti Muwahhidun sejarah menyaksikan perkembangan pesat ilmu pengetahuan dan falsafah, dilambangkan dengan hidupnya sarjana-sarjana besar seperti Ibnu Rushd, Ibnu Tufail (filosof yang terkenal dengan karyanya *Hay ibnu Yaqzān*), Ibnu Bajah (ahli falsafah) dan Abu Bakar bin Zuhr (seorang ahli perubatan yang juga menteri) dan Abu Ishaq Ibrahim bin Abdul Malik (ahli bahasa). (Rujuk Hasan Muarif Ambary *et al.* (1994), *Insiklopedi Islam*, j. 3, c. 2. Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve, h. 319-322.)

jatuhnya kerajaan Muwahhidun adalah “jatuhnya peradaban pada hujung nafasnya.”²²⁶ ia juga merupakan “titik retak dalam garis perkembangan sejarah, ia adalah saat berbaliknya suatu nilai dalam suatu peradaban.”²²⁷ “Dalam masa itu kita tidak menghadapi soal perubahan dalam sistem politik, akan tetapi perubahan yang menimpa diri manusia itu sendiri, iaitu manusia berperadaban yang kehilangan semangat peradabannya, dan yang melemahkannya untuk tampil ke hadapan dan berkarya.”²²⁸ Setelah jatuhnya kerajaan Muwahhidun peradaban Islam terus mengalami keruntuhan, dan pada masa Ibnu Khaldun (732H/1332M–808H/1406M), menurut pengamatan Malik Bennabi adalah merupakan masa yang sangat kritikal yang menyaksikan keruntuhan peradaban Islam secara menyeluruh.

Dalam hal ini Malik Bennabi mengatakan:

“Dan era keruntuhan bermula dengan ‘manusia-manusia selepas Muwahhidun’. Sehinggakan pada masa Ibnu Khaldun - umpamanya- Qayruwān sudah tidak lagi melebihi sebuah bandar kecil, di mana sebelumnya, pada masa kerajaan Aghlabid²²⁹ merupakan kiblat para raja, pusat kebanggaan, dan sebuah metropolis dengan berjuta-juta penduduk; dan dalam dunia Islam yang lainnya, Baghdad dan Samarcand telah menerima nasib yang sama. Di mana-mana sahaja, tanda yang serupa tentang keruntuhan yang menyeluruh, yang menandakan titik menurun dalam suatu gambarajah.”²³⁰

Penilaian Malik Bennabi bahawa masa Ibnu Khaldun sebagai titik akhir daripada fasa peradaban dapat diterima kerana dalam sejarah “idea” setelah Ibnu Khaldun dunia Islam sememangnya tidak lagi menyaksikan kelahiran orang besar.

²²⁶ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 36.

²²⁷ *Ibid.*

²²⁸ *Ibid.*

²²⁹ Aghlabid atau Aglibah merupakan pemerintahan otonomi pada masa dinasti Abbasiyyah yang berkuasa di Afrika (sekarang Tunisia dan propinsi Tarabulus dan Libya) dari tahun 800-909, para penguasanya adalah keturunan Al-Ghlab atau Bani Taghlib, seorang Khurasan yang menjadi perwira tentara dinasti Abbasiyyah. (Rujuk Hasan Muarif *et al.* (1994), *op.cit.*, j. 1., h. 65.

²³⁰ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 36-37.

(iii) FASA PASCA-PERADABAN

Masyarakat pasca-peradaban (*marjhalah mā ba'da al-hadārah*) adalah masyarakat yang telah melepassi fasa peradaban. Melepassi fasa-fasa dalam fasa peradaban; fasa roh, fasa akal dan fasa instink. "Masyarakat yang sudah jumud pemikirannya dan bergerak ke belakang."²³¹

Menurut Malik Bennabi "masyarakat pasca peradaban, bukan hanya tidak bergerak dari tempatnya, melainkan masyarakat yang mundur atau berjalan ke belakang, setelah menyeleweng jauh dan putus dari peradabannya."²³² Menurutnya pula bahawa masyarakat pasca-peradaban sangat berbeza dengan masyarakat pra-peradaban kerana "yang pertama tidak hanya sebagai manusia yang di luar peradaban, seperti yang kedua, yang –sebelum ini- kita namakan dengan 'manusia fitrah'; kerana manusia yang terkeluar dari peradaban (pasca-peradaban), tidak dapat menghasilkan karya-karya peradaban (*oeuvre civilisatrice*) sehingga dia dapat mengadakan perubahan-perubahan yang sangat fundamental. Sebaliknya, manusia pra-peradaban – seperti masyarakat badwi pada zaman Rasul s.a.w. - akan selalu bersedia untuk memasuki peradaban."²³³

Konsepsi tersebut dirumuskan oleh Malik Bennabi berdasarkan pada ilmu fizik. Malik Bennabi memberikan sebuah contoh tentang dua bahagian air yang memiliki keadaan yang berbeza: yang pertama adalah bahagian air 'sebelum'

²³¹ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 40.

²³² Bennabi (1987), *al-Nahḍah*, h. 38.

²³³ *Ibid.*, h. 78.

masuk ke dalam sebuah tangki yang dapat menghasilkan elektrik, dan yang kedua adalah bahagian air ‘setelah’ keluar dari tangki tersebut. Bahagian air ‘sebelum’ memasuki tangki diibaratkan oleh Malik Bennabi sebagai manusia atau masyarakat pra-peradaban, atau yang belum pernah memasuki kitaran peradaban tertentu, ia merupakan bahagian yang mengandungi kekuatan (energi) yang tersimpan di dalamnya dan bersedia atau dapat digunakan untuk sesuatu yang bermanfaat, baik untuk pengairan atau untuk tangki tersebut guna menghasilkan elektrik. Hanya sahaja bahagian air ini ‘setelah’ memasuki tangki dan menghasilkan elektrik, ia sudah menjadi lemah dan tidak bermaya, kerana ia telah kehilangan tenaganya; keadaan air yang sedemikian itu menurut Malik Bennabi adalah sama seperti keadaan manusia atau masyarakat pasca-peradaban atau setelah keluar dari kitaran peradaban. Menurut Malik Bennabi, bahagian air yang telah keluar dari tangki tersebut tidak lagi dapat kembali kepada keadaan sedia kala kecuali dengan proses yang berat dan susah, iaitu proses pengewapan, menjadikannya wap, dan hanya dengan suhu udara tertentu dapat mengembalikannya kepada asal, sebagai air yang belum pernah memasuki tangki tertentu.²³⁴

Dalam kontek sejarah perkembangan masyarakat dan peradaban Islam, Malik Bennabi nampaknya tidak dapat memberikan batasan masa yang pasti antara berakhirnya fasa instink dan bermulanya fasa pasca-peradaban. Beliau dengan pasti dapat memberikan titik bermulanya fasa roh dengan datangnya risalah di gua Hira, bermulanya fasa akal dengan terjadinya peristiwa Siffin, dan bermulanya fasa instink bersamaan dengan peristiwa jatuhnya dinasti

²³⁴ *Ibid.*, h. 78-79.

Muwahhidun. Masyarakat Islam sejak jatuhnya Muwahhidun, termasuk pada masa-masa Ibnu Khaldun yang menyaksikan kejatuhan dunia Islam secara menyeluruh, hingga sekarang disebut oleh Malik Bennabi sebagai “manusia pasca Muwahhidun (*insān mā ba'da al-muwahhidin*)”. Oleh kerana itu, dalam kontek sejarah perkembangan masyarakat Islam, menurut Malik Bennabi masyarakat pasca Muwahhidun adalah juga merupakan masyarakat pasca-peradaban.²³⁵

Malik Bennabi menggambarkan masyarakat Islam pasca-peradaban sebagai masyarakat yang “Alam figure mereka tidak lagi seperti modelnya yang asal, melainkan dalam bentuk orang-orang sufi, penipu dan Dajjal, terutamanya di kalangan para pemimpin.”²³⁶ Sementara alam idea mereka membisu dan mati, mereka “hidup dalam kebisuan; kebisuan pemikiran yang sudah mati.”²³⁷ Tidak memiliki upaya atau pun kekuatan untuk dapat berinisiatif, berkarya dan mencipta. “Sementara itu alam benda mereka, tidak lagi sederhana sesuai dengan keperluan seperti pada masa Jahiliah. Alam benda mereka berkuasa atas akal dan kesedaran,”²³⁸ yang dengan demikian mereka menjadi masyarakat pengguna, memiliki daya beli yang kuat, dan menjadi masyarakat yang dapat memiliki semua karya-karya peradaban yang bukan dari hasil karyanya sendiri, melainkan diimpor dari luar. Masyarakat yang “membangun ‘benda-benda’ dan ‘keperluan-keperluan’, dan bukannya membangun ‘idea-idea’ dan ‘alat-alat’.”²³⁹ Semuanya, menurut Malik Bennabi merupakan “lambang penyakit manusia baru, manusia pasca Muwahhidun yang telah mengganti manusia peradaban Islam, dan yang

²³⁵ Sila lihat gambar rajah yang disediakan oleh Malik Bennabi di halaman terakhir fasil ini.

²³⁶ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 40.

²³⁷ *Ibid.*, h. 73.

²³⁸ *Ibid.*, h. 40.

²³⁹ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 78; Bennabi (t.t), *Mustaqbal*, h. 62.

membawa wabak yang darinya muncul, secara berganti-ganti dan di sana sini, semua masalah yang selama ini dihadapi oleh dunia Islam,”²⁴⁰ dan yang telah menjadikan masyarakat pasca-peradaban dan pasca Muwahhidun sebagai masyarakat yang layak atau memiliki syarat-syarat untuk dijajah (*al-qābiliyyah li a 'l-isti'mār*).²⁴¹

Al-Attas menilai faktor internal yang membawa kepada semua krisis umat Islam adalah apa yang beliau sebut dengan ‘hilangnya adab’. Yang beliau maksudkan dengan ‘hilangnya adab’ adalah hilangnya disiplin – disiplin badan, disiplin fikiran dan disiplin jiwa. Disiplin menjamin pengakuan atas tempat seseorang yang semestinya dalam hubungannya dengan diri, masyarakat dan umatnya, pengakuan atas tempat seseorang yang semestinya dalam hubungannya dengan kemampuan-kemampuan dan kekuatan-kekuatan fizik, intelektual dan spiritual orang itu, pengakuan atas kenyataan bahawa pengetahuan dan wujud itu teratur secara hierarkis.²⁴² Menurut beliau benih-benih fenomena hilangnya adab tersebut sudah dapat dijumpai pada periode-periode awal Islam. Gejala karakteristik utama mengenai hilangnya adab dalam umat adalah proses penyamarataan yang ditanamkan dari waktu ke waktu dalam pikiran kaum Muslimin dan diperaktekkan dalam masyarakat. ‘Penyamarataan’ yang beliau maksudkan adalah penyamarataaan setiap orang, dalam pikiran dan sikiap, pada tingkat yang sama dengan tingkat orang yang menyamaratakan. Proses mental dan pengambilan sikap ini, yang mengena pada tindakan, berlangsung lewat dorongan kepada pemimpin-pemimpin palsu yang ingin merobohkan otoritas yang sah dan

²⁴⁰ *Ibid.*, h. 37; Bennabi (t.t), *Mustaqbal*, h. 22.

²⁴¹ *Ibid.*, h. 92.

²⁴² Al-Attas (1993), *op.cit.*, h. 105.

hierarki yang berlaku sehingga mereka dan golongannya bisa berkembang, dan yang memperagakan dengan contoh dengan menurunkan tempat tokoh-tokoh besar ke tingkat yang kurang rendah, dan kemudian ke tingkat yang lebih rendah lagi. Masa jahili individualisme ini kesombongan batin dan keras kepala serta kecenderungan untuk menentang dan meremehkan otoritas yang sah, nampaknya telah berlangsung dalam semua periode sejarah Islam, meskipun hanya di antara ekstrimis-ekstremis dari berbagai ragam.²⁴³

Dalam perspektif al-Qur'an, ketika agama tidak berperanan secara maksimum dalam suatu masyarakat maka masyarakat dan peradaban mereka akan mengalami keruntuhan. Agama tidak dapat berperanan secara positif dalam membangunkan dan meneruskan kelangsungan hidup suatu peradaban adalah kerana masyarakat pemilik peradaban tersebut melakukan perbuatan-perbuatan yang bersifat bertentangan dengan agama tersebut. Di antara perbuatan-perbuatan yang berlawanan dengan agama, yang seterusnya membawa kepada kehancuran suatu peradaban, seperti yang di sebutkan oleh al-Qur'an adalah: a) penolakan terhadap wahyu dan ketidak patuhan terhadap para utusan-utusan Allah S.W.T., b) patuh terhadap arahan-arahan para penguasa yang mengadakan kerusakan di muka bumi, seperti masyarakat Ad dan Thamud, c) bersikap sompong dan terlalu bergairah terhadap kemajuan ilmu dan teknologi dan aspek material, seperti pengalaman Firaun dan Qarun, d) wujudnya ketidak adilan di kalangan penguasa dan penindasan orang-orang yang kuat dan kaya terhadap orang-orang yang lemah dan miskin, seperti kesalahan masyarakat Madyan, kaumnya Nabi Syuaib a.s., e) melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral, seperti apa yang

²⁴³ *Ibid.*, h. 110.

dilakukan oleh kaumnya Nabi Lut a.s., f) tersebarnya korupsi dan kejahatan di kalangan masyarakat dengan tanpa adanya usaha-usaha pencegahan (Surah: al-Maidah (5): 79), g) menggunakan segala nikmat yang dikaruniakan Allah S.W.T. untuk kejahatan (Surah: al-Nahl (16): 112), dan h) bermegah-megahan dan berlebih-lebihan dengan tanpa memiliki rasa syukur terhadap Allah S.W.T. (Surah: al-Qasas (28): 58).

Menurut Malik Bennabi kitaran sejarah peradaban Barat juga berjalan seirama dengan perjalanan peradaban Islam. Hanya sahaja Malik Bennabi tidak menghuraikan secara panjang lebar tentang kitaran peradaban Barat dalam hubungannya dengan agama sebagaimana ketika beliau menerangkan kitaran peradaban Islam seperti di atas. Dalam menganalisis tentang kitaran peradaban Barat, Malik Bennabi berdasarkan pada pendapat Herman Keyserling (1880-1946), mengatakan bahawa, peradaban Barat bermula dengan orang-orang badwi Jerman di bahagian utara Eropah, mereka adalah orang-orang yang masih fitrah belum dimasuki oleh kebudayaan-kebudayaan atau pun doktrin-doktrin agama, sehingga sampailah agama Kristian kepada mereka. Agama Kristian menemukan mereka sebagai jiwa-jiwa yang masih kosong sehingga dengan mudah ia dapat masuk dan membangkitkan roh yang dinamik kepada mereka, dan yang kemudian mendorong mereka memasuki lingkaran sejarah. Menurut Malik Bennabi, fasa roh dalam peradaban Eropah terjadi sejak berinteraksinya orang-orang badwi Jerman dengan Kristian dan berlangsung sehingga datangnya Renaissance. Ketika Renaissance muncul peradaban Eropah keluar dari fasa roh yang tinggi kepada fasa perluasan akal yang dilambangkan oleh Rene Descartes (1597-1750), ahli falsafah Perancis, dan perluasan kawasan dengan pencapaian Christopher

Columbus (1451-1506), pelaut Itali yang menemukan benua Amerika.²⁴⁴ Setelah fasa akal, dengan merujuk kepada analisis penulis-penulis Barat sendiri, di antaranya Spengler dalam karyanya *the Decline of the West (Jatuhnya Barat)*, Malik Bennabi menemukan isyarat bahawa peradaban Barat sedang memasuki fasa instink.²⁴⁵

Demikianlah peranan agama atau pemikiran agama dalam sejarah dinamika kitaran peradaban. Malik Bennabi menyimpulkan bahawa “semua peradaban kemanusiaan adalah lingkaran-lingkaran bersambung yang masing-masing perkembangannya sama dengan perkembangan peradaban Islam dan juga Kristian; lingkaran pertama bermula dengan munculnya pemikiran keagamaan, kemudian bermula keruntuhannya ketika ia dikuasai oleh graviti bumi, iaitu setelah ia kehilangan roh dan kemudian akal.”²⁴⁶ “Di saat pengaruh roh dan akal hilang, maka instink-instink keduniaan menjadi lepas tanpa kendali, dan membawa manusia kembali ke alam primitif.”²⁴⁷

D. ANTARA PERADABAN ISLAM DAN PERADABAN BARAT: PERSPEKTIF MASA HADAPAN

Menurut Malik Bennabi, dunia Islam yang telah jatuh dan telah memasuki pasca-peradaban sejak kejatuhan Muwahhidun, telah masuk fasa kebangkitan

²⁴⁴ Rujuk Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 61-63.

²⁴⁵ *Ibid.*, h. 64.

²⁴⁶ *Ibid.*, h. 59.

²⁴⁷ *Ibid.*

semula sejak sekitar tahun 1858 bersamaan dengan kemunculan gerakan reformasi (*harakah al-Islāh*) oleh tokoh-tokoh seperti Jamaluddin al-Afghani (1849-1897) dan Muhammad Abduh (1849-1905)²⁴⁸ dan gerakan modenisme (*al-harakah al-hadithah*) yang dibawa oleh para sarjana yang berpendidikan Barat.²⁴⁹ Hanya sahaja dalam pandangan Malik Bennabi, baik gerakan reformasi maupun gerakan modenisme belum dapat memberikan jawapan dan penyelesaian terhadap persoalan-persoalan sebenar dunia Islam. Dalam pengamatan Malik Bennabi, kelemahan al-Afghani adalah kerana beliau hanya memfokuskan pada pembaharuan politik dunia Islam; dalam bentuk pan-Islam dan pembaharuan sistem undang-undang, dan bukan pada pembaharuan diri manusia yang telah dibentuk oleh fasa pasca-Muwahhidun.²⁵⁰ Sementara itu kelemahan Muhammad Abduh adalah kerana beliau lebih banyak memfokuskan pada pembaharuan ilmu kalam (teologi), yang menurut Malik Bennabi bukan sebagai permasalahan sebenar masyarakat Islam. Menurut pandangan Malik Bennabi, orang Islam termasuk orang Islam pasca-Muwahhidun tidak memiliki permasalahan dalam akidah, mereka tetap sebagai orang yang beriman dan beragama, akan tetapi yang menjadi permasalahan adalah bahawa akidah mereka tidak berpotensi dan tidak memberikan fungsi sosial.²⁵¹ Demikian juga dengan gerakan modenisme, menurut Malik Bennabi gerakan ini tidak memiliki tujuan dan metode yang jelas²⁵² dan yang akhirnya hanya membawa masyarakat Islam kepada sikap suka mengumpul karya-karya peradaban Barat,²⁵³ dan menjadikan mereka sebagai pelanggan setia

²⁴⁸ Bennabi (1990) *Komonwilth*, h. 26.

²⁴⁹ Bennabi (1986), *Wijayah*, h. 48. :

²⁵⁰ *Ibid.*, h. 81.

²⁵¹ *Ibid.*, h. 54-55.

²⁵² *Ibid.*, h. 71.

²⁵³ *Ibid.*, h. 69.

perabadaban yang asing bagi diri mereka sendiri.²⁵⁴ Apapun kelemahan-kelemahan gerakan reformasi dan modenisme, Malik Bennabi mengakui bahawa yang pasti gerakan-gerakan tersebut telah berjaya memberikan kesedaran umum tentang kelemahan diri masyarakat Islam,²⁵⁵ dan menilainya sebagai kecenderungan sejarah yang positif yang diakibatkan oleh kekuatan dalaman yang wujud sebagai tindak balas terhadap penjajahan dan fenomena kelayakan dijajah.²⁵⁶

Dalam apa juga kekacauan dunia Islam pasca-peradaban dan kelemahan gerakan reformasi dan modenisme, Malik Bennabi melihat terjadinya kecenderungan yang positif yang tidak dapat dipisahkan daripada evolusi sejarah, yang wujud dalam bentuk fenomena peralihan peradaban yang bersifat sejagat iaitu perpindahan pusat graviti Islam dari Mediterranean ke Asia.²⁵⁷

Dalam pandangan Malik Bennabi, akibat dari dua Perang Dunia, dunia membentuk dirinya sebagai suatu kerucut dengan dua kutub; kutub barat dan timur. Dunia Islam yang berada di kutub timur yang dahulunya berpusat di Mediterranean tidak wujud lagi. Dunia Islam beralih dan tunduk pada tarikan graviti Jakarta, sebagaimana ia pernah tunduk pada tarikan graviti Kaherah atau Damsyik.²⁵⁸ Menurut Bennabi, berakhirnya graviti Islam di Mediterranean merupakan petanda pembebasan dunia Islam dari belenggu dan kehancuran dalamannya,²⁵⁹ sementara perpindahan kepada fasa Asia memberikan pengaruh psikologi, budaya, moral, sosial dan politik yang positif yang akan menentukan

²⁵⁴ *Ibid.*, h. 71.

²⁵⁵ *Ibid.*, h. 73.

²⁵⁶ *Ibid.*, h. 182.

²⁵⁷ *Ibid.*

²⁵⁸ *Ibid.*

²⁵⁹ *Ibid.*, h. 183.

bentuk dan masa hadapan dunia Islam di pentas antarabangsa dan kemahuan bersama mereka.²⁶⁰ Hipotesis Malik Bennabi bahawa Asia khususnya Indonesia dan Pakistan akan menjadi pusat peradaban Islam adalah berdasarkan atas pengamatanya terhadap syarat-syarat peradaban yang sudah mulai wujud di kedua-dua negara tersebut. Menurut Malik Bennabi, Pakistan dan juga Indonesia, negera yang masih baharu dari segi kekuatan Islam, tetapi memiliki fikiran dan tindakan yang mengatasi ilmu tradisional yang tertutup; dunia Islam di sana akan mampu memperbaharui dirinya, mengubah dirinya kepada kekuatan yang dinamik dan mempelajari hidup semula. Struktur sosial yang tidak bersifat hirarki atau bertingkat-tingkat akan dapat memudahkan Islam beradaptasi dengan mudah, sementara kepintaran masyarakat petani dan kesiapan fitrahnya untuk bekerja menjanjikan satu sintesis baharu bagi manusia, tanah dan masa ke arah pembangunan peradaban baru.²⁶¹ Dalam pandangan Malik Bennabi, Orang Islam di Indonesia dan saudaranya di Pakistan merupakan dua contoh manusia yang memiliki ciri-ciri yang istimewa. Penjajahan Belanda di kepulauan Indonesia yang melampaui beberapa abad tidak meninggalkan ramai intelektual, akan tetapi intelektual yang hanya sedikit yang dimiliki telah menampakkan kemampuan dan tanggungjawab mereka dalam memerangi kemiskinan, buta huruf dan kekacauan – yang merupakan penyakit-penyakit yang sengaja diciptakan oleh penjajah-fenomena tersebut secara tidak langsung telah menunjukkan kemampuan dan kebijaksanaan orang Indonesia. Selain itu, menurut Malik Bennabi orang Indonesia amat teliti, menghormati peraturan dan berdisiplin, suka pada yang terperinci, mereka dengan demikian adalah manusia materialistik yang positif yang

²⁶⁰ *Ibid.*, h. 182.

²⁶¹ *Ibid.*, h. 183.

memiliki kekuatan yang besar, mereka juga manusia praktikal, mahir dalam pekerjaan dan juga memiliki cita rasa seni.²⁶² Sementara itu, menurut Malik Bennabi, di Pakistan, Inggeris meninggalkan ramai intelektual yang mempunyai nilai yang tidak dapat dipersoalkan, yang di antaranya adalah Sayyid Amir Ali,²⁶³ seorang reformis dan Sayyid Muhammad Iqbal,²⁶⁴ seorang pemikir dan sasterawan Muslim yang terkenal.²⁶⁵ Malik Bennabi berkeyakinan bahawa hipotesisnya pasti dan akan berlaku kecuali jika ianya bertembungan dengan peristiwa yang besar seperti berlakunya perang dunia yang darinya semua aspek kewujudan kemanusiaan akan menghadapi risiko atau paling tidak berubah bentuk.²⁶⁶

²⁶² *Ibid.*, 185.

²⁶³ Sayyid Amir Ali (1849-1928), seorang ahli undang-undang dan penulis modenis Muslim India, di antara karya-karyanya yang populer adalah; *A Short History of the Saracens* (1889) dan *The Spirit of Islam* (1891), pada tahun 1877 mendirikan "the Central National Muhammadan Association" (Pusat Persatuan Kebangsaan para Pengikut Muhammad) dengan tujuan mendapat perlindungan dari penjajah Inggeris atas kepentingan-kepentingan orang Islam, pada tahun 1908 mendirikan "the All India Muslim League" (Persatuan Muslim seluruh India. Ia bersama dengan Aga Khan pada tahun 1923 menulis surat kepada Perdana Menteri Turki menyerukan perlunya pembaharuan kekuatan khilafah Uthmaniyyah, yang kemudian berakhir pada tahun 1924. (John L. Esposito (ed.) (1995), *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, j. 1. New York: Oxford University Press, h. 84-85).

²⁶⁴ Muhammad Iqbal (1873-1938 M), penyair dan ahli falsafah Pakistan. Dilahirkan di bandar Sialkut, Punjab. Memperoleh ijazah pertama dengan *cum laude* dari the Government College di Lahore, dan ijazah MA dalam falsafah dari College yang sama dan yang merupakan satu-satunya calon yang berjaya dalam peperiksaan akhir. Mendapatkan pendidikan yang baik dalam Urdu, Arab dan Parsi di bawah bimbingan Sayyid Amir Hasan (1844-1929). Pada tahun 1905 Iqbal pergi ke Eropah; di London beliau merdalmi bidang undang-undang di Lincoln's Inn dan mendalmi bidang falsafah di Trinity College of Cambridge University, dan pada saat yang sama beliau menyiapkan tesis Doktornya dalam bidang falsafah di universiti Munich, German, dan pada tahun 1907 beliau berjaya meraih ajazah Doktor dengan tajuk tesis "the Development of Metaphysic in Parsia" (Perkembangan Metafizik di Parsi"). Iqbal banyak dipengaruhi oleh pemikiran Shah Waliullah al-Dahlawi (1703-1762) dan Sayyid Ahmad Khan. Di antara karya-karya Iqbal dalam politik dan falsafah adalah; *the Reconstruction of Religious Thought in Islam* (*Pembangunan Kembali Pemikiran Agama dalam Islam*), *the Development of Metaphysic in Parsia* (*Perkembangan Metafisik di Parsi*) dan *Presidential Address in the Annual Meeting of all Indian Muslim League* (*Ucap Utama dalam Pertemuan Tahunan Liga Islam India*). Karya-karya syair Iqbal ditulis dalam bahasa Parsi dan Urdu; dalam Parsi di antaranya; *Asrā-i Khūdī wa Rūmu-i Bikhudī* (*Rahasia Diri dan Misteri keegoan*) dan *Javid Namah* (*buku keabadian*), dalam bahasa Urdu di antaranya; *Bang-i darā* (*Suara Para Pengembawa*) dan *Zarbī Kalim* (*Jalan Nabi Musa*). (Esposito (ed.) (1995), *op.cit.*, j. 2, h. 221-223).

²⁶⁵ Bennabi (1986), *Wijhah*, h., 186.

²⁶⁶ *Ibid.*

Muhammad Mubarak menolak hipotesis Malik Bennabi tersebut di atas dan berkeyakinan bahawa dunia Arab masih tetap sebagai tempat yang strategik dan memiliki peranan yang penting dalam dunia Islam. Menurut Mubarak dunia Arab dengan kemampuannya dalam memadukan antara nilai-nilai material dan sepiritual, kefahamannya yang baik tentang bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Qur'an dan tentang risalah kehidupan yang menyatakan kepentingan dunia dan akhirat, serta kesungguhannya dalam bekerja baik dalam aspek material maupun moral tetap menjadi harapan dan tumpuan masa hadapan dunia Islam.²⁶⁷ Abd Sabur Syâ hin bersetuju dengan pendapat Muhammad Mubarak dengan mengatakan bahawa Malik Bennabi mengungkapkan hipotesisnya pada tahun 1949, iaitu ketika sebahagian negara-negara Arab masih dalam penjajahan sementara sebahagian yang lain masih dalam pengawasan penjajah, kecuali Syria. Menurutnya, dalam masa sepuluh tahun terakhir -yakni sepuluh tahun setelah Malik Bennabi menyatakan pendapatnya, negara-negara Arab telah mengalami berbagai-bagi perkembangan dan kemajuan, oleh kerana itu menurutnya perlu dikeluarkan penilaian yang baru dalam perkara tersebut.²⁶⁸ Walaupun Malik Bennabi sehingga akhir hayatnya (1973) masih tetap dengan harapannya terhadap Asia terutamanya Indonesia sebagai pusat peradaban Islam masa hadapan, hanya sahaja kemudian Malik Bennabi dalam tulisan-tulisannya banyak mengkritik langkah dan kebijakan Indonesia, terutamanya ketika negara tersebut meminjam tenaga pakar luar dalam proses pembangunan. Menurut Bennabi permasalahan negara-negara Islam termasuk Indonesia lebih banyak berhubung-kait dengan biologi sosial daripada arkitek sosial. Proses pembangunan dengan demikian harus

²⁶⁷ Muhammad Mubarak (1986), "Kata Pengantar", dalam Bennabi, *Wijhah*, h. 13.

²⁶⁸ Abd Sabur Syâ hin, dalam Bennabi (1986) *Wijhah*, notakaki h. 182.

mengambil kira syarat-syarat dinamika sosial dan budaya yang ada serta tingkatan peralatan yang dimiliki. Oleh kerana itu suatu projek yang berasaskan pada pemikiran orang lain tidak mesti dapat diterapkan pada orang lain. Maka, menurut Malik Bennabi kegagalan projek Dr. Horace Schacht (1877-1970)²⁶⁹ di Indonesia, walaupun beliau berhasil di negaranya Jerman, adalah kerana ketidak sesuaian projek-projek tersebut dengan biologi masyarakat Indonesia.²⁷⁰

Hipotesis yang dibuat oleh Malik Bennabi limapuluh tahun yang lalu tentang kebangkitan Islam dan yang akan berpusat di Asia adalah di antara cita-cita dunia Islam yang terpupuk semenjak awal kurun kedua puluh ketika imperialisme-kolonialisme Barat sedang pesat berkembang. Hanya sahaja sehingga berakhirnya kurun kedua puluh, semua cita-cita tersebut tidak menjadi kenyataan. Lahirnya Konferensi Asia Afrika (KAA) di Bandung pada tahun 1955, yang dihadiri oleh majoriti negara-negara Islam diharapkan dapat menjalin kerjasama ke arah pembangunan yang positif dalam ekonomi, politik dan kebudayaan di antara negara-negara Asia-Afrika, terutamanya di antara negara-negara Islam, ternyata hanya menjadi peristiwa yang singkat dan tidak memberikan pengaruh yang besar.²⁷¹ Kemunculan Organisasi Konferensi Islam (OIC) dalam tahun 1969 diharapkan dapat menjawab kepada permasalahan yang melanda dunia Islam, tetapi ia ternyata bukanlah penyelesaian yang mampu

²⁶⁹ Dr. Horace Schacht (1877-1970), seorang pakar ekonomi dan ahli politik berasal dari Jerman, di Jerman ia pernah memegang jawatan sebagai gubernor bank pusat dan menteri ekonomi, kemudian bekerja sebagai penasehat ekonomi kerajaan Indonesia dan beberapa negara lain termasuk Syria, Iran dan Mesir. (Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 114.)

²⁷⁰ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 114-115.

²⁷¹ Malik Bennabi memberikan pandangannya tentang Konferensi Asia Afrika dalam bukunya *al-Fikrah al-Ifriqiyyah al-Asiawiyyah fi Dau' Mu'tamar Bandung*.

menyatukan negara-negara Islam untuk membangun peradaban yang baru.²⁷² Revolusi Iran yang meletus pada tahun 1979 dilihat oleh ramai pemerhati dapat memberi harapan besar kepada pergerakan dan perpaduan umat Islam dan menjanjikan kemenangan kepada Islam di Timur Tengah, namun kebangkitan tersebut gagal memberikan jalan keluar kepada permasalahan semasa Muslim.²⁷³ Keruntuhan Soviet Union dan kemasuhan Komunisme antarabangsa juga diharapkan dunia Islam dapat bangun dengan kepercayaan bahawa Islam akan mengambil tempat ideologi sekular dan kapitalisme namun harapan tersebut juga tidak berlaku dan kesejagatan Islam dan peradabannya akhirnya gagal diterjemahkan.

Dalam konsepsi kitaran peradaban Malik Bennabi, - seperti yang telah diterangkan sebelumnya- peradaban Barat semasa adalah peradaban Kristian yang sedang dalam fasa perluasan akal yang telah bermula sejak Christopher Columbus (1451-1506) dan Rene Descartes (1597-1750). Iaitu Kristian yang berkONSEP pemisahan antara Tuhan dan *Caesar* atau kerajaan,²⁷⁴ Kristian yang berfahaman sekular,²⁷⁵ dan konsep Kristian yang berkompromi dengan kapitalisme dan demokrasi liberal. Agama Kristian tetap menjadi unsur dan sumber penting dalam peradaban Barat moden walaupun telah terjadi kemerosotan dalam pengamalan

²⁷² Mohamad Abu Bakar (2000), "Perskitaran Strategik Umat Islam Abad Ke-21", *Pemikir*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu, bil. 27, Januari - Mac 2000, h. 11.

²⁷³ *Ibid.*

²⁷⁴ Samuel P. Huntington (1997), *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Touchstone, h. 210.

²⁷⁵ Francis Fukuyama (2002), "Their Target: The Modern World", *Newsweek The International Magazine*. Washington: the Wasington Post Company, December 2001- February 2002, h. 56.

dan keimanan terhadap agama tersebut dalam masyarakat Barat baik di Amerika maupun di Eropa Barat akhir-akhir ini.²⁷⁶

Huntington menilai bahawa hubungan antara Islam dan Barat adalah hubungan yang dipenuhi oleh konflik. Menurutnya selama empat belas abad sejarah membuktikan bahawa hubungan antara Islam dan Kristian; baik yang ortodok maupun yang Barat sering memanas. Konflik antara liberal demokrasi dan Marxisme-Leninisme pada abad kedua puluh hanya merupakan fenomena sejarah yang kecil dan sementara jika dibandingkan dengan konflik yang berterusan dan dalam antara Islam dan Kristian. Dalam masa-masa perdamaian tidak dapat di pertahankan; hubungan bertambah banyak berisikan permusuhan dan berbagai-bagai bentuk peperangan yang panas.²⁷⁷ Huntington mengutip kata-kata John Esposito yang mengatakan “selalu ditemukan antara kedua-dua masyarakat dalam kompetisi, dan terkunci dalam kancah peperangan, untuk kuasa, tanah dan jiwa.”²⁷⁸ Sepanjang berbagai kurun nasib kedua-dua agama tersebut naik dan turun saling bergantian.²⁷⁹ Berasaskan pada perspektif *clash* (konflik), Huntington selanjutnya berpendapat bahawa Islam adalah ancaman yang paling berbahaya bagi peradaban Barat moden khususnya setelah kejatuhan komunisme.²⁸⁰

²⁷⁶ Rujuk Huntington (1997), *op.cit.*, h. 305.

²⁷⁷ Huntington (1997), *op.cit.*, h. 209.

²⁷⁸ John L. Esposito (1992), *The Islamic Threat: Myth or Reality*. New York: Oxford University Press, h. 46.

²⁷⁹ Huntington (1997), *op.cit.*, h. 209.

²⁸⁰ Huntington memperbincangkan pendapatnya secara panjang lebar dalam bukunya *Clash of Civilization* dari bab 8 hingga 10.

Al-Attas menilai bahwa kebudayaan dan peradaban Barat, yang mencakup Kristian sebagai bahagian yang tak terpisahkan darinya, mengambil sikap konfrontasi terhadap Islam tidaklah diragukan lagi.²⁸¹ Konfrontasi ini, menurut beliau, pada dasarnya adalah konfrontasi yang secara historis permanen. Islam dilihat oleh Barat sebagai menampilkan tantangan terhadap jalan hidupnya; suatu tantangan bukan hanya kepada Kristian Barat tetapi juga kepada Aristotelesisme dan prinsip-prinsip epistemologi dan falsafah yang berasal dari pikiran Yunani-Romawi yang membentuk komponen dominan yang memadukan unsur-unsur penting dalam dimensi-dimensi pandangan dunia Barat. Barat pasti memandang Islam sebagai saingan yang sesungguhnya di dunia, sebagai satu-satunya kekuatan yang kekal yang dihadapi, dan yang menentang kepercayaan-kepercayaan dan prinsip-prinsip dasarnya. Barat dan juga Islam mengetahui bahwa persengketaan antara mereka berkisar di sekitar masalah-masalah fundamental yang tak mungkin terdapat kompromi.²⁸²

Menurut Malik Bennabi dua kurun; kesembilan belas dan kedua puluh merupakan dua kurun yang penting dalam sejarah peradaban Barat fasa perkembangan akal dalam hubungannya dengan dunia lain. Kurun kesembilan belas sejarah menyaksikan dominasi mutlak Barat dalam bentuk penjajahan terhadap hampir semua benua di dunia, sementara kurun kedua puluh ketika penjajahan secara langsung berakhir sejak pertengahan kurun lepas sejarah menyaksikan dominasi Barat dan globalisasi peradabannya ke semua penjuru dunia. Menurut Malik Bennabi, peradaban Barat semasa telah menguasai dan

²⁸¹ Al-Attas (1993), *op.cit.*, h. 79.

²⁸² *Ibid.*, h. 105.

memaksakan dirinya untuk dapat diterima oleh semua umat manusia di dunia.²⁸³ Kepintaran Barat telah dapat mempersatukan berbagai permasalahan kemanusiaan; dalam cara hidup semua bangsa di dunia, bentuk institusi-institusi politik dan dalam pelbagai aktiviti mereka; pemikiran, seni dan sosial.²⁸⁴ "Barat terutamanya Amerika Syarikat selalu berperanan sebagai bangsa missionaris yang berkeyakinan bahawa selain bangsa Barat harus mengikuti nilai-nilai Barat dalam demokrasi, pasaran bebas, pemerintahan terbatas, hak asasi manusia, individualisme, peraturan perundangan, dan nilai-nilai tersebut harus menyatu dalam institusi-institusi mereka."²⁸⁵ Barat selalu berfikir bahawa dirinya merupakan satu-satunya pemilik kebudayaan yang tulen yang mendefinisikan dirinya sebagai pewaris peradaban Graeco-Roman dan tradisi Judio-Kristian. Yang pertama melebelkan mereka yang tidak berbicara dengan bahasanya sebagai "orang primitif", sementara yang kedua menganggap mereka yang tidak mengamalkan agamanya sebagai "orang musyrik". Secara moral, dengan pemahaman rasialisme yang sedemikian maka tidak ada ruang untuk dialog, melainkan hanya peperangan; perang salib, imperialism atau apa yang disebut sekarang dengan *internationalization* (proses pengantarbangsaan), yang merupakan kemahuan yang kaya dan yang kuat untuk memaksakan "*a market monotheism*" (pasaran tunggal) ke atas dunia, menolak dan menghancurkan peradaban-peradaban yang lain.²⁸⁶

²⁸³ Malik Bennabi (1981), *al-Fikrah al-Ifriqiyah al-Asiawiyyah fi Dau' Mu'tamar Bandung*. 'Abd al-Şabûr Syâhîn (terj.). Damsyik: Dâr al-Fikr, h. 173; seterusnya ditulis *al-Ifriqiyah al-Asiawiyyah*.

²⁸⁴ Bennabi (1981), *al-Ifriqiyah al-Asiawiyyah*, h. 259-260.

²⁸⁵ Huntington (1997), *op.cit.*, h. 182-184.

²⁸⁶ Roger Garaudy (1997), "Civilisational Dialogue: Its Meaning and Scope" kertas kerja disampaikan dalam *International Seminar on Civilisational Dialogue: Present, Realities, Future Possibilities*, dianjurkan oleh Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, Malaysia, 15-17 September 1997, h. 1.

"Teori Huntington menyimpulkan semua yang ditolak oleh pihak lain dan semua bentuk imperialisme yang lahir di dalam tradisi Barat.²⁸⁷

Sejak pertengahan kurun kedua puluh semua pelosok dunia telah menyaksikan pembangunan jalan-jalan raya model Barat, rel-rel keretapi seperti yang terdapat di Amerika dan Eropah, kilang-kilang elektronik, tersebarnya radio, televisyen dan masmedia model Barat, demikian juga gaya hidup, sistem pendidikan dan perundangan berdasarkan peradaban Barat, dan kegairahan terhadap pembangunan teknologi Barat.²⁸⁸ Demikian juga dalam aspek kebudayaan, Barat telah menguasai dan membentuk kesedaran bangsa-bangsa lain dengan budaya konsumsi, budaya "shopping mall", budaya drama dan film Hollywood, budaya kosmetik dan fesyen, dan budaya program-program penurunan berat badan dan pencarian diri ke arah kecantikan dan kejayaan.²⁸⁹ Proses globalisasi inilah yang menurut Malik Bennabi dalam memoirnya bahawa dunia Barat sedang mencabar dunia Islam.²⁹⁰ Menurutnya semua aktiviti kehidupan di antara poros Tangier-Jakarta sekarang dapat dijumpai di Barat, semua bentuk parlemen adalah fotokopi dari parlimen yang ada di Inggeris, Perancis atau di Amerika, semua perundangan dan demokrasi adalah dalam bentuk Barat, dan ketika seorang Muslim berbicara tentang demokrasi umpamanya maka pengertian demokrasi adalah pengertian yang dipinjam dari Barat.²⁹¹

²⁸⁷ Ibid.

²⁸⁸ Carlton Joseph Hunley Heyes (1983), *Christianity and Western Civilization*. Westport: Greenwood Press, h. 3-4, disalin dari Badran bin Masud bin Husain (1999), *al-Zâhirah al-Gharbiyyah ft al-Wâ'yi al-Hâdâfi Anmûdhaj Malik Bennabi*. Doha: Kitâb Al-Ummah, h. 110.

²⁸⁹ John C. Raines (1995), "Post-modernism, Post-colonialism and the Social Construction of Beauty" dalam Chandra Muzaaffar et al., *Dominance of the West over the Rest*. Penang: Just World Trust, h. 45-46.

²⁹⁰ Malik Bennabi (1984), *Mudhakkirât Syâhid li al-Qarn*, c. 2. Damnsyik: Dar al-Fikr, h. 40.

²⁹¹ Bennabi (19881), *al-Fîkrah al-Ifriqiyah al-Asiawiyyah*, h. 256.

Sejak kehancuran Soviet Union dan kelumpuhan komunisme dengan era pasca perang dingin, persekitaran strategik antarabangsa telah mengalami perubahan yang drastik dan dramatis yang ditandai oleh kehadiran Amerika sebagai satu-satunya kuasa utama. Orde baru dunia yang dinobatkan oleh George Bush semasa dan selepas perang Teluk (1991) lebih berupa sebuah ideal Washington yang sedang dalam penterjemahan dan selama lebih dari satu dekad ia telah menjadi kerangka bertindak membantu memajukan dan mensejagatkan liberal-demokrasi dan kapitalisme dan peradaban Barat. Perpecahan Soviet Union dan pemusnahan komunisme telah memberi lauan yang seluas-luasnya kepada penularan cita-cita hegemonik Barat dan idea kemajuannya.²⁹² Penyatuan Eropah yang telah berlangsung semenjak tahun-tahun 50-an, dalam bentuk penubuhan Pasaran Bersama Eropah (EEC) terutama sekali sekarang telah menjadikan benua itu sebuah kesatuan yang semakin padu dan padat. Penamatkan Perang Dingin membantunya memudahkan lagi proses intergrasi dan pengluasannya, sehingga regionalisme di Eropah bukan sahaja telah mengukuhkan lagi kedudukan strategik Barat, tetapi juga menjajikan penyebaran peradabannya ke daerah-daerah baru.²⁹³ Tata dunia baru, dengan demikian adalah tata dunia milik Barat. Francis Fukuyama, sejak sepuluh tahun yang lalu hingga sekarang masih mempertahankan pendapatnya “bahawa kita telah mencapai ‘hujung sejarah’; tidak bererti bahawa kejadian-kejadian bersejarah akan berhenti, akan tetapi sejarah yang difahami sebagai evolusi kesatuan-kesatuan masyarakat melalui berbagai-bagai macam

7

²⁹² Abu Bakar (2000), *op.cit.*, h. 2.

²⁹³ *Ibid.*, h. 4.

bentuk pemerintahan, telah sampai kepada puncaknya dalam bentuk demokrasi liberal moden dan kapitalisme yang berdasarkan pasar.”²⁹⁴

Islam sebagai suatu peradaban semakin tidak berdaya di tengah-tengah dominasi peradaban Barat dan pencejagatan nilainya. Sekalipun konflik yang diakibatkan oleh *Clash of Civilizations* tidak melarat menjadi perang besar, ia sebenarnya secara diam-diam telah memakan pelbagai aspek budaya hidup Muslim,²⁹⁵ dan kepentingannya. Ketika hampir kesemua negara Islam sedang berhempas pulas cuba berdiri sebagai entiti politik yang bebas, merdeka dan berdaulat, ketika ia sedang bertarung dengan pelbagai persoalan sosioekonomi dan ketika ia sedang dalam keadaan terdesak menangani masalah kesihatan, buta huruf dan pencemaran alam, pada saat yang sama ternyata ia terpaksa pula menghadapi kenyataan yang sungguh mencabar dari peraaban Barat. Pergerakan dan kebangkitan Islam yang sedang berputik, atau yang masih berada pada tahap permulaan menjadi tersudut apabila berkonfrontasi dengan *monolith* Barat yang hanya tahu merempuh apa sahaja yang menghalang pergerakannya.²⁹⁶ Semakin Barat mengorak dan berkembang semakin mengecil harapan kebangkitan dunia Islam. Negara Muslim yang kelihatan mencabar peradaban Barat dan menggugat orde antarabangsa semasa akan digempur dan dihancurkan. Begitulah nasib Iran, Iraq, Sudan, Libya, Somalia dan yang terakhir adalah Afganistan. Peristiwa berkaitan dan berikutan serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia dan Pentagon di Amerika Syarikat, 11 September 2001, telah menjelaskan dengan lebih ketara lagi

²⁹⁴ Fukuyama (2002), *op.cit.*, h. 54. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang pandangan Fukuyama sila rujuk bukunya yang sangat terkenal *The End of History and The Last Man*. New York: The Free Press, 1992.

²⁹⁵ Abu Bakar (2000), *op.cit.*, h. 9.

²⁹⁶ Ibid., h.7.

kedudukan dunia Islam dalam persekitaran strategik terbaru. Kejadian di New York tersebut telah mempertemukan barat yang bersatu dalam memerangi Osama bin Laden dan negara-negara Islam dengan alasan memerangi keganasan antara bangsa.

Benarkah bahawa sejarah telah berakhir dengan peradaban Barat sebagai puncaknya? Malik Bennabi, seperti yang telah diterangkan sebelumnya, dengan merujuk beberapa penulis Barat sendiri, termasuk Oswald Spengler dalam karyanya *The Decline of the West (Jatuhnya Barat)*, telah menemukan isyarat bahawa peradaban Barat sedang memasuki fasa instink atau keruntuhan. Bagaimanakah pendapat tersebut dapat ditafsirkan dalam keadaan semasa? Jawapan Malik Bennabi dapat dilihat dari dua aspek; dari aspek hubungan Barat dengan bangsa-bangsa lain (*the rest*) dan dari aspek kelemahan falsafah peradaban yang dimilikinya. Dalam aspek hubungannya dengan bangsa-bangsa lain, menurut Malik Bennabi, Barat hidup dalam suatu alam yang diciptakan oleh ilmunya akan tetapi hati nuraninya (*damir*) tidak mengetahui sama sekali alam tersebut, yang kerananya ia sehingga hari ini memandang bangsa-bangsa lain dengan semangat kurun kesembilan belas sebagai anak jajahan.²⁹⁷ Ia mengalami ketidak seimbangan antara ilmunya dan hati nurani; ilmunya telah mendorong kepada kesatuan kemanusiaan sementara hati nuraninya mundur di belakang kemajuan ilmunya,²⁹⁸ yang oleh kerananya ia melihat bangsa-bangsa lain dengan semangat imperialisme dan dominasi. Menurut Malik Bennabi, dunia dengan peradaban Barat telah dibebani oleh ilmu pengetahuan dan kebudayaan

²⁹⁷

Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 125.

²⁹⁸ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 124. Sila rujuk juga (1981), *al-Ifriqiyah al-Asiawiyyah*, h. 249-262.

imperialisme dan telah mengalami kekosongan hati nurani²⁹⁹ Semangat abad kesembilan belas yang menyeru pencapaian kebahagiaan kemanusiaan melalui alat (ilmu pengetahuan) telah berakhir dengan kemuflisan yang menyedihkan, dunia dengan demikian tidak lagi menunggu penyelesaian dari ilmu pengetahuan, melainkan dengan harapan dibangkitkannya kembali hati nurani manusia.³⁰⁰ Sementara itu dalam aspek falsafahnya, menurut Malik Bennabi, peradaban Barat mengalami kekacauan dan derita yang parah akibat daripada falsafah “kuantiti” dan “relativisme.” Falsafah hidup yang berasaskan pada “kuantiti” dan “relativisme” telah membunuh berbagai konsep tentang moral.³⁰¹ Dalam peradaban Barat kehidupan menjadi satuan angka, kebahagiaan diukur dengan jumlah kalori dan hormon. Era kuantiti yang mengalahkan hati nurani dan era relativisme moral, yang kerananya tidak seorangpun mengetahui makna keutamaan mutlak dan keadilan.³⁰² Menurut Huntington, peradaban Barat sehingga pertengahan tahun 1990-an mengalami beberapa kelemahan yang boleh membawa kepada keruntuhan. Dalam ekonomi, Barat masih lebih kaya dibanding dengan peradaban lain, akan tetapi ia mengalami pertumbuhan ekonomi, simpanan dan pelaburan yang rendah. Dalam kebudayaan, Barat diancam oleh beberapa kumpulan dalam masyarakatnya sendiri dan oleh para pendatang dari peradaban lain yang menentang asimilasi dan yang masih berpegang pada nilai, tradisi dan budaya asal negaranya, terutamanya masyarakat Islam yang tinggal di Eropah. Dalam aspek agama, Kristian sebagai unsur penting dalam peradaban Barat telah mengalmi pengikisan baik di negara-negara Eropah mahupun di Amerika; yang dalam masa

²⁹⁹ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 26.

³⁰⁰ *Ibid.*, h. 127.


³⁰¹ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 128.

³⁰² *Ibid.*, h. 126-127.

yang panjang dapat mengancam peradaban tersebut. Dalam aspek moral, peradaban Barat mengalami kemunduran yang kritis, terutamanya dalam aspek-aspek berikut; (a) meningkatnya tingkah-laku anti sosial seperti jenayah, dadah, dan kekerasan; (b) meningkatnya keruntuhan famili yang berupa peningkatan jumlah perceraian, kes mengandung di bawah usia 20 tahun, dan jumlah keluarga ibu tunggal; (c) menurunnya jumlah keikutsertaan masyarakat dalam organisasi-organisasi sukarela terutamanya di kalangan orang Amerika; (d) menurunnya etika kerja secara umum dan meningkatnya kepercayaan terhadap *cult* (aliran kepercayaan), dan; (e) menurunnya komitmen dalam belajar dan aktiviti intelektual, terutamanya di Amerika Syarikat yang menyaksikan rendahnya pencapaian akademik.³⁰³

³⁰³ Huntington (1997), *op.cit.* h. 304-305.

Rajah: 3: 1: Kitaran Peradaban Islam Menurut Malik Bennabi



Sumber: Malik Bennabi (1987), *Syurūt al-Nahdah*. ‘Abd al-Şabûr Syâhîn dan Umar Kâmil Misqâwi (terj.), c. 4. Damsyik, Syria: Dâr al-Fikr, h. 73.